



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU: 8 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 88)

(SOALAN NO.1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.87)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9607

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan jaminan keselamatan khususnya di pintu-pintu masuk ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Justeru itu, keselamatan sempadan diperketat dari semasa ke semasa supaya tidak mudah dibolosi oleh anasir-anasir luar yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara.

Sempadan negara dipisahkan oleh daratan atau perairan atau kedua-duanya sekali dengan Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan Filipina. Sempadan Malaysia - Thailand di bahagian utara meliputi Bukit Batu Putih, Perlis hingga Bukit Bunga, Kelantan dipisahkan oleh daratan sejauh 551 kilometer dan sempadan thalweg dari Bukit Bunga, Kelantan hingga Pengkalan Kubor, Kelantan sejauh 105 kilometer.

Kerajaan sentiasa memberikan fokus agar sempadan Malaysia - Thailand sentiasa terkawal dengan mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut:-

- i) penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan kawalan di sempadan Malaysia bagi mencegah aktiviti penyeludupan. Agensi penguatkuasaan di bawah AKSEM adalah Polis**

Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Bagi menentukan hala tuju AKSEM, Akta AKSEM akan digubal bagi memperkukuh serta memperluas skop memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk Sabah dan Sarawak;

- ii) kajian menaiktaraf pagar keselamatan sedia ada dan juga pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan dengan memberi tumpuan penggunaan peralatan canggih seperti *drone*, CCTV, mesin pengimbas untuk mengesan pergerakan dan barangan yang dibawa masuk dan keluar Malaysia;**
- iii) penubuhan Unit Risikan Sempadan (URB) yang berfungsi untuk mendapatkan maklumat risikan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand untuk bertukar-tukar maklumat antara kedua-dua negara;**
- iv) mengadakan mesyuarat *Review of Joint Malaysia-Thailand Working Committee on Criminal Activities* di peringkat PDRM dan Polis Diraja Thailand;**
- v) mengadakan mesyuarat bilateral tahunan antara Pasukan Gerakan Marin (PGM) PDRM dengan Royal Thai Marine Polis (RTMP) untuk mengadakan aktiviti *Rendevous (RV)* di pantai barat dan timur semenanjung Malaysia iaitu Markas Taktikal PGM Wilayah 3, Pengkalan Kubor, Kelantan bersama RTMP**

Narathiwat, Thailand manakala di sebelah pantai barat pula Markas Operasi PGM Wilayah 1 Langkawi, Kedah bersama RTMP Satun, Thailand;

- vi) mengadakan kempen kesedaran jenayah di kalangan masyarakat setempat terutamanya penduduk di tepi tebing sungai melalui Program *Community Policing* yang turut melibatkan RTMP dan ketua masyarakat sempadan Thailand. Melalui program ini kedua-dua pihak akan memahami keperluan untuk mematuhi undang-undang kedua-dua buah negara; dan**

- vii) bermula pada tahun 2017, setiap AKSEM negeri telah melaksanakan operasi secara NBOS yang disertai oleh agensi-agensi penguatkuasaan lain di sempadan darat negara dengan kekerapan dua kali seminggu dengan memfokuskan operasi di kawasan ICQ Padang Besar bagi membendung jenayah rentas sempadan.**

Secara keseluruhannya, keselamatan sempadan Malaysia - Thailand ketika ini berada pada tahap terkawal dan pihak berkuasa berupaya menangkis sebarang ancaman luar yang cuba mencerobohi sempadan negara. Keselamatan di sempadan Malaysia akan sentiasa diberi perhatian khusus namun pada masa yang sama keupayaan kewangan Kerajaan perlu diberi perhatian mengambil kira kos tinggi bagi menyediakan prasarana dan kekuatan anggota pasukan penguatkuasaan di sempadan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kemalangan yang melibatkan bas-bas awam yang disebabkan kecuaiian pemandu dan keberkesanan aduan/maklumbalas yang dibuat kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi menangani kemalangan yang melibatkan bas awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan bas-bas awam yang terlibat dalam kemalangan telah mencatatkan penurunan sebanyak 13% pada tahun 2015 dengan 8,804 kes dilaporkan berbanding 10,123 pada tahun 2013.
2. Statistik kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan maut yang melibatkan bas-bas awam juga menunjukkan tren penurunan sebanyak 29% dengan 30 kes kemalangan maut dicatat pada tahun 2016 berbanding 42 kes pada tahun 2015.
3. Analisa kemalangan bagi tempoh 2007 hingga 2015 yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan, menunjukkan bahawa 66% daripada kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Kecuaian ini termasuklah memandu secara berbahaya, memandu melebihi had laju dan keletihan.
4. Sejak November 2012, SPAD telah menyediakan talian "*hotline 1-800-88-7723*" dan laman sesawang *www.spad.gov.my* sebagai medium untuk memudahkan para penumpang dan pengguna jalan raya membuat aduan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam darat.

5. Pada tahun 2016, sebanyak 11,093 aduan telah diterima yang membabitkan pengangkutan bas awam. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.2% aduan tersebut iaitu sebanyak 11,004 aduan telah berjaya di selesaikan oleh SPAD dalam tempoh 30 hari.

6. Sementara itu, sukacita dimaklumkan bahawa Program SPAD ICOP – Keselamatan telah dimulakan pada tahun 2013 bagi pengendali bas untuk:

- (i) menerapkan nilai penting keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
- (ii) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

7. Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Bas telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan keselamatan yang praktikal bagi pengendali bas untuk memenuhi tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan operasi dan meminimumkan insiden dan kemalangan. Ia meliputi tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua pihak dari pengurusan peringkat tertinggi hinggalah kepada kumpulan operasi, meliputi antaranya pengurusan dan pemantauan keselamatan pekerja dan operasi, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan rekod.

8. Pematuhan SPAD ICOP – Keselamatan ini telah dijadikan syarat lesen yang wajib dipatuhi oleh semua pengendali. Tindakan penggantungan serta penarikan lesen boleh diambil ke atas mana-

mana pengendali yang gagal mematuhi. Dengan pelaksanaan SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi amalan kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat. Ini akan membantu mengurangkan kecederaan dan kematian yang melibatkan pengguna dan pekerja-pekerja di dalam sektor pengangkutan awam darat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 8.3.2017
SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah Sekolah Antarabangsa "International School" yang sedang beroperasi di Malaysia. Sila juga nyatakan secara terperinci jumlah murid-murid yang sedang belajar di Sekolah-Sekolah Antarabangsa tersebut mengikut susunan Negeri-Negeri masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah antarabangsa merupakan institusi pendidikan swasta yang menawarkan program pendidikan peringkat prasekolah, rendah dan menengah menggunakan kurikulum luar negara (India, International Baccalaureate (IB), Britain, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia) serta menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sehingga 30 Jun 2016, terdapat 116 buah sekolah antarabangsa yang melibatkan 57,702 orang murid yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan iaitu dengan penarikan Amerika Syarikat daripada Perjanjian Perkongsian Trans - Pasifik (TPPA), industri kelapa sawit akan menjadi salah satu industri yang akan terjejas teruk. Apakah perancangan Kementerian untuk meneruskan usaha eksport kelapa sawit ke persada antarabangsa khususnya dengan 11 negara lain yang berada dalam perjanjian yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 Malaysia mengeksport produk-produk sawit bernilai RM3.9 bilion ke Amerika Syarikat. Negara tersebut merupakan destinasi eksport global ke-4 terbesar produk-produk sawit negara. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai syer pasaran minyak sawit sebanyak 3.7% di Amerika Syarikat.

Penarikan Amerika Syarikat daripada Perjanjian Perkongsian Trans – Pasifik (*Trans Pacific Partnership Agreement - TPPA*) menjejaskan peluang Malaysia untuk memperkukuhkan pasaran eksport produk-produk sawit. Di bawah peraturan TPPA, duti import Amerika Syarikat yang dikenakan di antara 0% hingga 18% akan dihapuskan dengan berkuatkuasanya perjanjian ini.

Selain itu, usaha negara untuk memperkukuhkan eksport produk-produk sawit ke Mexico dan Peru akan turut terjejas sekiranya TPPA tidak dimeterai. Ini adalah memandangkan Malaysia tidak mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas dengan kedua-dua negara tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama-sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan eksport produk-produk sawit ke pasaran antarabangsa termasuk Peru dan Mexico. Langkah-langkah yang akan dijalankan adalah termasuk:

- i. memperbanyakkan aktiviti promosi dan teknikal bagi memperkukuhkan eksport ke pasaran sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru;
- ii. terlibat dalam rundingan-rundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau. Umpamanya, Malaysia terlibat dalam rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang melibatkan ASEAN dan 6 rakan dagangan yang lain. RCEP mempunyai jumlah penduduk seramai 3 bilion penduduk, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) gabungan kira-kira USD17 trilion dan menyumbang 40% daripada perdagangan dunia;
- iii. memperkasakan aktiviti hiliran bagi menghasilkan produk-produk baru bernilai tinggi, di samping meningkatkan penggunaan domestik;
- iv. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan sawit untuk dikomersialkan oleh pihak industri; dan
- v. mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa bersama-sama negara-negara pengeluar sawit. Ini termasuk kerjasama dengan Indonesia di bawah *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC). Kerjasama seumpama ini selain memperkukuhkan pembangunan industri sawit juga dapat membolehkan menangani isu-isu akses pasaran.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan dalam perkara yang melibatkan hukum halal dan haram bagi umat Islam, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan penggunaan bahan-bahan yang sensitif seperti berus cat bulu babi yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Jabatan Agama Islam Negeri(MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan ataupun barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal

Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Halal 2011. JAKIM dan MAIN/JAIN hanya akan merujuk kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Semakan Ketiga 2014, Klausula 5.2 (v) - Keperluan Umum Pensijilan Halal, yang menyatakan bahawa penggunaan peralatan atau berus daripada haiwan tidak dibenarkan.

Berkaitan dengan penggunaan bahan-bahan yang sensitif seperti berus bulu babi, dimaklumkan ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan tertakluk di bawah Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi Atau Anjing) 2013.

Sehubungan itu, pihak KPDNKK telah memberi tempoh sebulan mulai 9 Februari 2017 dan telah menasihatkan peniaga agar mengasingkan daripada barang-barang lain dan meletakkan label "tidak halal" pada produk yang menggunakan bahan daripada binatang sama ada babi atau anjing yang hendak dijual kepada orang ramai. KPDNKK akan mengambil tindakan mengikut undang-undang kepada peniaga yang masih tidak mematuhi Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang yang Diperbuat Daripada Bahagian Babi atau Anjing) 2013 yang menetapkan produk tersebut perlu dilabelkan.

Walaupun bagaimanapun, JAKIM dan MAIN/JAIN turut mengambil langkah-langkah pengawalan dalam pematuhan pensijilan halal dengan melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan sekiranya peralatan seperti berus bulu babi digunakan dalam pemprosesan produk atau sajian makanan halal.

Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif dengan menubuhkan Pusat Analisis Halal Malaysia atau *Malaysia Halal Analysis Centre* (MyHAC) di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan Darul Khusus yang dilengkapi dengan peralatan canggih termasuk peralatan yang dapat menganalisis sampel bulu atau kulit babi daripada sesuatu produk atau barangan. Penubuhan MyHAC dapat meningkatkan kredibiliti Pensijilan Halal Malaysia di dalam dan luar negara serta dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk pensijilan Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pekerja awam mengikut Kementerian serta apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan produktiviti and kecekapan pekerja awam dan pentadbiran Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2017, terdapat seramai 1,590,022 orang penjawat awam. Daripada jumlah berkenaan seramai 1,418,712 (89.23%) penjawat awam ditempatkan di peringkat Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan produktiviti penjawat awam. Salah satu pendekatan yang telah digunakan adalah dengan memperkenalkan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Konsep NBOS merupakan langkah bersepadu Kerajaan melaksanakan inisiatif melalui perkongsian pintar antara Kementerian dan agensi. Reka bentuk dan rangka NBOS menekankan kepada prinsip impak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan mampan. Pelaksanaan inisiatif dan program di bawah NBOS mampu mengelakkan pertindihan tugas serta masalah birokrasi antara kementerian dan mengagihkan semula secara kreatif sumber yang tidak digunakan dengan optimum. Kerajaan kini sedang merangka kaedah untuk mengukur

produktiviti perkhidmatan awam bagi memastikan sumber-sumber berkaitan digunakan dengan cekap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap anggota perkhidmatan awam juga perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Pada masa ini sebahagian besar program-program pembangunan sumber manusia dikendalikan oleh 343 Institut Latihan Awam (ILA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : RABU, 8 MAC 2017

RUJUKAN : L2 [PR-1351-L01314]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah sebab projek pembangunan di Medan Imbi ditukar dari 2 ke 5 tingkat iaitu berlawanan dengan pelan asal.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, projek pembangunan di Medan Imbi yang dimaksudkan merupakan **projek pembangunan sementara** bagi ruang pejabat dan restoran di atas Lot 568, Jalan Medan Imbi, Kuala Lumpur.

Projek ini telah diluluskan pada 15 Disember 2016 dengan alasan untuk memajukan kawasan tersebut dan sekitarnya. Pembangunan yang dirancang ini diharap dapat menjana semula ekonomi kawasan tersebut selaras dengan kedudukan tapak perniagaan yang terletak di pusat bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang juga, kelulusan yang diberikan ini juga adalah bersifat sementara berdasarkan tahun ke tahun dengan mengambil kira aspek keperluan perancangan, pembangunan sekitar, saiz tanah dan keadaan ekonomi semasa.

Oleh itu, struktur 4 tingkat yang telah dibina dalam projek pembangunan sementara tersebut akan dirobuhkan selepas struktur kekal siap dibina.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap sekolah-sekolah daif dalam kawasan Sepanggar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum berhubung dengan keadaan sekolah-sekolah daif dalam Parlimen Sepanggar. KPM telah menurunkan waran peruntukan sebanyak RM220,000.00 untuk tujuan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf di tiga (3) buah sekolah berikut:

1. SK Poring-Poring, Kota Kinabalu – penyelenggaraan fizikal Bangunan Blok A dan Blok C;
2. SMKA Tun Ahmad Shah, Kota Kinabalu – penyelenggaraan sistem kumbahan berhampiran asrama, kawasan masjid dan flat guru; dan
3. SK Lapsan, Kota Kinabalu – kerja penyiapan makmal komputer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga melaksanakan projek pembangunan semula 30 buah sekolah daif di beberapa kawasan lain di Negeri Sabah.

RJM12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah mata pelajaran pendidikan seks akan dimasukkan di dalam sukatan pelajaran dan nyatakan dengan terperinci apakah sekolah-sekolah terpilih yang mengajar pendidikan seks dan apakah sebab sekolah-sekolah tersebut dipilih dan bukannya semua sekolah Kerajaan memandangkan insiden jenayah seksual terhadap kanak-kanak semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan daripada kelulusan Kabinet pada 20 Disember 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun memasukkan elemen pendidikan seks dalam Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS). Elemen tersebut diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan untuk memberi maklumat yang tepat kepada murid dan membantu mereka menjauhkan diri daripada gejala sosial. PEERS diajar kepada semua murid di semua sekolah sejak tahun 1989 di sekolah menengah, dan tahun 1994 di sekolah rendah. Ini bermakna semua murid dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima diajar pendidikan seks melalui PEERS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani jenayah seksual dalam kalangan murid antaranya ialah:

1. Bekerjasama dengan Pakar Pediatrik, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), psikiatrik kanak-kanak serta penasihat undang-undang dalam menangani dan menguruskan kes jenayah seksual melalui Mesyuarat Bulanan Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak [*Suspected Child Abuse and Neglect* (SCAN Team)] Hospital Kuala Lumpur;
2. Mengadakan perkongsian kepakaran dan maklumat secara proaktif dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam isu-isu berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui seminar dan bengkel; dan
3. Melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Remaja di Sekolah (PEKERTI@Sekolah) bermula tahun 2012, yang memberi fokus kepada Kurikulum Pendidikan Kesihatan yang merangkumi 75 peratus komponen PEERS, 15 peratus komponen pemakanan, dan 10 peratus komponen pertolongan cemas. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

SOALAN (17)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

SOALAN :-

YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratuskah pemilikan ekuiti korporat usahawan atau pelabur Bumiputera (tidak termasuk pemilikan oleh GLC dan PNB) di Bursa Malaysia ketika ini. Adakah mereka mempunyai keupayaan untuk menjalin hubungan usahasama dengan para pelabur asing yang mahu melabur di Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2017, jumlah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah sebanyak 919 buah syarikat dengan nilai pasaran modal ("*market capitalization*") sebanyak RM1.7 trillion. Ini adalah termasuk syarikat Bumiputera dan juga bukan Bumiputera yang tersenarai di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 114 buah syarikat Bumiputera telah disenaraikan di Bursa Malaysia.

Bagi mendapatkan data yang tepat, nilai pasaran modal telah digunakan sebagai asas pengukuran peratus pemilikan ekuiti. Ini merupakan kaedah yang biasa digunapakai oleh penganalisis-penganalisis pemilikan ekuiti. Oleh itu, dari 114 buah syarikat Bumiputera, 24 buah syarikat adalah Syarikat Bumiputera Berkaitan Kerajaan Bumiputera (BGLC) seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan lain-lain lagi. BGLC memegang peratusan ekuiti sebanyak 12% (RM201.8b) dari jumlah keseluruhan pasaran modal di Bursa Malaysia. Selebihnya adalah

syarikat milikan atau pelaburan Bumiputera, iaitu sebanyak 4% (RM66.4b) dari jumlah keseluruhan pasaran modal di Bursa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka. Oleh itu, semua syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia termasuklah Syarikat Bumiputera boleh menjalankan usahasama dengan syarikat luar negara berdasarkan kebolehan dan kepakaran mereka. Usahasama dengan syarikat luar negara tidak terhad hanya kepada perkongsian pemilikan syarikat, ia juga meliputi kerjasama dengan syarikat-syarikat asing yang memberi pendedahan dalam perkembangan teknologi dan pemindahan kepakaran. Kerjasama ini membuatkan syarikat bumiputera terus berdaya saing dan kompetitif dalam pasaran terbuka.

Sehingga kini, terdapat beberapa Syarikat Bumiputera yang telah menjalankan usahasama dan kerjasama dengan syarikat luar negara dengan jayanya sehingga sekarang. Kerjasama dengan syarikat kejuruteraan asing telah berjaya mewujudkan satu syarikat usahasama yang menyediakan pelbagai khidmat pakar dimana sebelum ini mereka mengharapkannya dari sumber luar. Hasil dari usahasama ini,

menjadikan Syarikat Bumiputera tersebut lebih berdaya maju dan dapat memperkembangkan bahagian pasaran ("*market share*") ke industri lain yang berkaitan.

Pada masa yang sama, terdapat juga beberapa Syarikat Bumiputera yang telah mewujudkan usahasama dan kerjasama dengan syarikat luar negara tanpa pemindahan kepakaran atau teknologi. Ini secara tidak langsung membuka peluang kepada syarikat luar negara mendapat akses ke pasaran Malaysia tanpa melakukan sebarang pembangunan kapasiti, tambah nilai dan kelestarian terhadap Syarikat Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

8 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang isi rumah mengikut jenis pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1,086.2 bilion (80% daripada sistem perbankan dan 20% daripada institusi kewangan bukan bank) yang merangkumi 88.4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir Disember 2016 (2015: 89.1%). Lebih separuh daripada jumlah tersebut adalah pembelian hartanah dan pembelian kenderaan. Pinjaman peribadi merangkumi 15% daripada jumlah hutang isi

rumah manakala hutang kad kredit merangkumi hanya 3.5% jumlah hutang isi rumah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan apakah pencapaian terkini dan usaha
Kerajaan meningkatkan 30 peratus penyertaan wanita sebagai pembuat
dasar dan pengurusan tertinggi dalam sektor awam dan sektor swasta.
Adakah pencapaian ini memuaskan berbanding negara-negara
serantau.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan dan kepimpinan wanita dalam perkhidmatan awam dan sektor korporat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 dan diikuti dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 27 Jun 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak.

Bagi sektor awam, berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun

2015 dan terkini kepada 35.8 peratus bagi tahun 2016. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Manakala bagi sektor korporat, berdasarkan statistik dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga Disember 2016 terdapat 421,308 orang wanita atau 29.9 peratus dari keseluruhan 1,410,862 orang ahli lembaga syarikat (syarikat swasta dan syarikat awam) di sektor korporat.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM telah pun melaksanakan Program Pengarah Wanita dan menggariskan pelantikan atau dengan izin *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam sektor korporat (syarikat swasta dan syarikat awam) sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Pencapaian *placement* wanita tersebut sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam sektor korporat setakat ini telah pun mengatasi Negara Singapura dan Jepun .

Secara perbandingan dengan negara-negara ASEAN, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang meletakkan sasaran dan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus serta mengambil langkah untuk mencapai sasaran tersebut.

Secara keseluruhannya, sasaran 30 peratus dalam sektor awam telah tercapai dan ada yang telah melepasi sasaran. Manakala sektor korporat pula hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Namun begitu, pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan peratusan wanita sebagai pembuat keputusan akan terus meningkat dan tidak hanya berada di tahap 30 peratus sahaja. Bagi sektor korporat pula, sungguhpun Malaysia mencatatkan rekod paling tinggi di kalangan negara-negara ASEAN, namun usaha dan inisiatif berterusan akan terus diambil bagi mendapatkan penglibatan wanita yang lebih meluas. KPWKM juga percaya dan komited Dasar 30% boleh tercapai dan pencapaian ini bukan setakat memberi manfaat kepada kaum wanita tetapi pembangunan negara yang lebih mapan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) sebab Kerajaan gagal menunaikan janji memberikan peruntukan sebanyak RM50 juta dan RM25 juta kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Cina pada tahun 2016 ; dan
- (b) siapakah yang perlu bertanggungjawab terhadap kekurangan ini yang telah menyebabkan kebanyakan sekolah yang terlibat terpaksa menangguhkan kerja-kerja membaiki bangunan sekolah yang uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menurunkan peruntukan penyelenggaraan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina secara berperingkat-peringkat bermula 26 Februari 2017.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sejauh manakah pemahaman dan penerimaan rakyat terhadap pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan); dan

(b) jumlah kutipan GST negara yang telah dikutip bagi tahun lepas serta jumlah tunggakan yang belum dijelaskan oleh mereka yang berkecuaan dan berapa pula jumlah yang telah dibayar balik kepada para pembayar GST dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaikkan GST sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemerhatian setelah hampir dua tahun GST dilaksanakan, tahap kefahaman masyarakat umum adalah baik dan tiada isu kritikal yang dibangkitkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Ini boleh dilihat melalui aduan yang diterima oleh JKDM dimana ianya telah mengalami pengurangan bagi tempoh April hingga Disember 2016 berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Bagi tempoh April hingga Disember 2016, JKDM telah mencatatkan sebanyak 840 aduan sahaja berbanding tempoh April hingga Disember 2015 yang telah mencatatkan sebanyak 6,823 aduan. Selain itu, adalah didapati tahap pemahaman peniaga mengenai pelaksanaan GST juga semakin meningkat di mana dari segi pendaftaran, bilangan entiti berdaftar GST sehingga 21 Februari 2017 adalah sebanyak 435,809 berbanding sasaran asal pendaftaran mandatori sebanyak 240,000 buah syarikat. Ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan memahami GST dan pelaksanaannya.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil GST yang telah berjaya dikutip bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember

2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion. Jumlah tuntutan bayaran kredit cukai input yang telah dibayar oleh JKDM bagi tempoh Januari 2016 hingga Disember 2016 adalah sebanyak RM16.92 bilion (65.21%). Manakala baki tuntutan berjumlah RM2.0 bilion masih dalam proses oleh pihak JKDM untuk dipulang balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar GST yang pada masa ini ditetapkan pada 6%. Kadar yang ditetapkan tersebut adalah berdasarkan kajian terperinci yang dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan mengambilkira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10 peratus bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara, cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus bagi perkhidmatan tertentu, komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu dan beban cukai ke atas pengguna. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar GST tersebut, Kerajaan perlu melihat sistem percukaian negara secara menyeluruh termasuk mengkaji semula kadar cukai korporat dan individu. Selain itu, Kerajaan juga perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang akan menerima impak daripada perubahan kadar GST seperti kesan kepada

pertumbuhan ekonomi, Indeks Harga Pengguna (IHP), pelaburan dan selainnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan

:-

(a) jumlah pengundi baru yang didaftar pada tahun 2014, 2015 dan 2016 ;

dan

(b) jumlah warga Malaysia yang layak tetapi belum mendaftarkan diri sebagai pengundi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru di Malaysia yang telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada tahun 2014 adalah seramai **158,501 orang**, tahun 2015 adalah seramai **263,560 orang** dan tahun 2016 (Sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Ketiga Tahun 2016) adalah **679,144 orang**.

Manakala jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Ketiga Tahun 2016 adalah sebanyak **4,060,339 orang**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :

YB Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula caj rawatan pergigian bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menikmati rawatan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, kos sebenar rawatan pergigian yang merangkumi kos bahan, kos peralatan, kos perkhidmatan sokongan serta emolumen telah semakin meningkat. Banyak prosedur pergigian biasa di klinik primer dan prosedur baharu serta kompleks di bawah bidang kepakaran yang tidak disenaraikan sebelum ini telah dibekalkan secara percuma di mana kos sebenarnya menelan belanja yang tinggi kerana kebanyakannya memerlukan peralatan atau bahan pergigian yang canggih dan diimport.

Justeru, pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga adalah dikekalkan seperti sedia ada mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan

rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]
TARIKH : 8.3.2017
SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan bagi peruntukan Bajet 2016 sejumlah RM500 juta di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah yang telah disalurkan kepada setiap aliran sekolah, termasuk SMK, SJKC, SJKT, sekolah-sekolah Mubaligh, sekolah-sekolah agama bantuan Kerajaan, sekolah-sekolah berasrama penuh, MRSM, sekolah-sekolah agama rakyat dan SMJK. Mengapakah RM50 juta yang dijanjikan bagi SJKC tidak dapat disalurkan dalam tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) sebanyak RM70 juta bagi tujuan penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menurunkan peruntukan penyelenggaraan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina secara berperingkat-peringkat bermula 26 Februari 2017.

RJM10

SOALAN (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :-

YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan ekonomi Malaysia yang dikaitkan oleh pakar ekonomi tempatan bahawa pengalaman Malaysia daripada kesukaran ekonomi sebelum ini telah mencetuskan pembangunan pembaharuan dan institusi yang akan meningkatkan asas-asas ekonomi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, asas ekonomi, sistem dan institusi perbankan serta pasaran modal negara kini lebih berdaya tahan berikutan dasar dan strategi yang telah digubal sejak sekian lama termasuklah semasa tempoh negara menghadapi tempoh kesukaran ekonomi sebelum ini. Kedudukan ekonomi Malaysia kini adalah lebih baik dan jauh berbeza daripada ketika negara mengalami krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 dan Krisis Kewangan Global pada 2009. Berdasarkan pengalaman yang lepas, kita mampu untuk menghadapi suasana ketidaktentuan ekonomi global yang sedang berlaku sekarang.

Usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan asas ekonomi telah dilakukan sejak tiga dekad yang lalu bagi mengurangkan pergantungan negara ke atas mana-mana industri dan komoditi. Kini, ekonomi negara tidak lagi bergantung kepada komoditi pertanian dan perlombongan tetapi lebih berasaskan kepada sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 54 peratus kepada KDNK negara, diikuti sektor pembuatan sebanyak 23 peratus. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini

lebih tertumpu kepada permintaan domestik yang didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta di samping pengurangan kebergantungan kepada sektor luar. Dalam masa yang sama, negara masih dapat mengekalkan kadar inflasi dan kadar pengangguran yang rendah.

Sebagai pelengkap kepada dasar-dasar struktur, Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai langkah-langkah proaktif sebagai inisiatif awal jangka pendek dan jangka sederhana untuk melindungi ekonomi sebenar dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan termasuklah menstabilkan pasaran kewangan, menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan integriti institusi bagi mengekalkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi negara.

Melangkah ke hadapan, strategi ekonomi makro jangka sederhana dan jangka panjang yang digariskan di bawah RMKe-11 akan meneruskan usaha memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih mampan. Ini termasuk mempelbagaikan struktur ekonomi dan hasil negara, mempergiatkan pelaburan swasta, meningkatkan eksport, memastikan pengurusan fiskal yang berhemah dan menggalakkan

peningkatan produktiviti dan inovasi serta memastikan kesejahteraan rakyat. Pertumbuhan hijau juga turut diberi penekanan bagi memastikan alam sekitar dan sumber asli negara kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

8 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[Pandan]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peruntukan tahunan dan perincian jumlah penerima bantuan bulanan JKM mengikut kategori (jumlah bantuan sebulan, jenis bantuan dan lain-lain) dari 2008 hingga 2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memastikan tiada rakyat yang layak, tercicir daripada menerima bantuan kebajikan. Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang besar setiap tahun bagi tujuan penyaluran bantuan kebajikan dan perbelanjaan tersebut semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bagi tahun 2008 sehingga 2016, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak **RM11.2 bilion** yang telah disalurkan kepada penerima-penerima bantuan diseluruh negara.

Jumlah peruntukan dan penerima bantuan mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

1. 2008 – RM371.2 juta (221,602 kes)
2. 2009 – RM 758.8 juta (353,889 kes)
3. 2010 – RM1.195 bilion (424,526 kes)
4. 2011 – RM1.352 bilion (473,928 kes)
5. 2012 – RM1.472 bilion (514,066 kes)
6. 2013 - RM1.542 bilion (492,676 kes)
7. 2014 - RM1.461 bilion (492,607 kes)
8. 2015 - RM1.529 bilion (487,185 kes)
9. 2016 - RM1.529 bilion (462,322 kes)

Jumlah penerima bantuan dan peruntukan bagi tahun 2016 mengikut kategori bantuan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Orang Tua - 133,352 kes (RM497,560,634)
2. Bantuan Kanak-Kanak - 75,439 kes (RM246,032,238)
3. Bantuan Am - 101,823 kes (RM246,786,833)
4. Elaun Pekerja Cacat - 73,056 kes (RM313,374,950)
5. Bantuan Penjagaan Pesakit Terlantar - 24,193 kes (RM91,756,314)
6. Alat Tiruan - 1,323 kes (RM2,425,841)
7. Geran Pelancaran - 1,578 kes (RM5,345,737)

8. Bantuan Anak Pelihara – 510 kes (RM1,619,947)
9. Latihan Apperantis – 136 kes (RM612,302)
10. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja - 50,912 kes (RM123,710,710)

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 8.3.2017 (RABU)

SOALAN : 27

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) bilakah pembinaan Jalan Bongkud - Mansalu dan Jalan Tarawas - Kaingaran akan dilaksanakan; dan
- (b) berapakah jumlah yang telah diperuntukkan bagi pelaksanaan kedua-dua batang jalan ini.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jalan Bongkud – Mansalu telah termasuk di bawah RMKe-11, Projek Jalan ke MESEJ Kg Mansalu, Ranau, Sabah. Walau bagaimanapun pelaksanaan terhad hanya kepada pembinaan 4.72 km dengan peruntukan sebanyak RM 17.5 juta. Status terkini adalah dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Disember 2018. Baki jajaran sepanjang 78.3 km ke Mansalu telah dimasukkan di bawah permohonan RP-3, Tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jalan Tarawas – Kaingaran tidak tersenarai dalam kelulusan projek RMKe-11. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* akan datang.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA

TARIKH : 08 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kakitangan wanita dalam jabatan perkhidmatan awam dan syarikat GLC serta swasta mengikut setiap negeri pada tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data yang diterima dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), jumlah kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam pada tahun 2015 dan 2016 dapat dirumuskan seperti berikut.

Pada tahun 2015, jumlah kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seramai 1,461 orang iaitu 35.2% daripada keseluruhan kakitangan di peringkat ini. Manakala bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 328,220 orang adalah kakitangan wanita iaitu 65.3% daripada jumlah keseluruhan 502,624 orang. Bagi kakitangan Kumpulan Pelaksana pula, 396,460 orang adalah wanita daripada jumlah keseluruhan 762,512 orang iaitu bersamaan dengan 52.0%.

Manakala bagi tahun 2016, jumlah kakitangan wanita di peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam perkhidmatan awam adalah seramai 1,461 orang iaitu 35.8% daripada 4,078 orang. Bagi Kumpulan

Pengurusan dan Profesional, kakitangan wanita merangkumi 66.5% iaitu 334,181 orang daripada jumlah keseluruhan 502,604 orang. Bagi Kumpulan Pelaksana pula, bilangan kakitangan wanita adalah seramai 393,269 orang iaitu 51.6% daripada jumlah keseluruhan 762,512.

Bagi pecahan kakitangan perkhidmatan awam wanita mengikut negeri, Selangor mempunyai bilangan kakitangan wanita yang paling ramai pada tahun 2015 iaitu seramai 104,953 orang yang merupakan 64.1% daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam. Manakala bagi tahun 2016 pula, Sabah mempunyai kakitangan wanita yang paling ramai dalam perkhidmatan awam iaitu seramai 106,440 iaitu 64.5% daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam.

Pecahan terperinci statistik ini adalah seperti di lampiran. Untuk makluman juga, statistik ini adalah tidak termasuk anggota Polis Diraja Malaysia dan anggota Angkatan Tentera Malaysia.

Bagi kakitangan wanita dalam syarikat GLC serta swasta pula, kementerian tidak mempunyai statistik seperti yang dipohon. Walau bagaimanapun, kementerian ingin berkongsi statistik bilangan ahli pengarah wanita dalam Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Daripada keseluruhan 777 orang lembaga pengarah dari 107 buah

Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, 109 orang atau 14% pengarahnya adalah wanita.

Manakala bagi penyertaan wanita dalam tenaga kerja secara keseluruhannya adalah berada di tahap 54.2% pada suku ketiga 2016 iaitu seramai 5.46 juta wanita di Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan tentang :-**

- (a) pelaksanaan autonomi dan penurunan kuasa Kementerian kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan pembinaan SMK Paris dan SMK Sukau; dan
- (b) bantuan kecemasan terhadap kejadian kebakaran asrama desa SK Tongod baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan (AP11) bagi pengurusan kewangan dan akaun di semua Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPM sebelum ini termasuk di negeri Sabah. Hal ini bermaksud Jabatan Pendidikan Negeri Sabah boleh melaksanakan urusan tender dan melantik kontraktor bagi perolehan kerja/perkhidmatan sehingga amaun 5 juta ringgit yang berkuat kuasa mulai 1 April 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan bangunan SMK Paris, Kinabatangan telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan Pertama (RP1)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Status terkini projek dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (*Development Plan*) daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan. Manakala, permohonan pembinaan bangunan gantian penuh SMK Sukau, Kinabatangan masih belum diluluskan walaupun telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) kerana kerajaan perlu memberi keutamaan kepada projek lain yang lebih kritikal. KPM telah mengemukakan semula permohonan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan dalam *Rolling Plan (RP)* 1, RP2 dan RP3 RMKe-11.

- b) Peruntukan awalan sebanyak RM20 ribu telah disalurkan sebagai bantuan kecemasan kepada SK Tongod yang mengalami kebakaran asrama desa. Peruntukan tersebut untuk penyediaan bilik mandi, tandas dan keperluan asrama. Bangunan asrama lama SMK Tongod, Telupid telah dijadikan asrama sementara kepada SK Tongod.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan Dana Infra Nasional Berhad dan bagaimana Dana Infra Nasional Berhad dapat membayar hutang yang ditanggung untuk pembinaan Pan-Borneo Highway dan Projek MRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) adalah sebuah syarikat tujuan khas (*Special Purpose Vehicle*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 3 Mac 2011 dengan

tujuan utamanya untuk memperoleh dan menguruskan dana bagi projek-projek prasarana yang ditentukan oleh Kerajaan.

Bagi membiaya projek MRT, DanaInfra telah diberikan mandat untuk mendapatkan sumber pembiayaan dari pasaran modal melalui terbitan sukuk yang mempunyai tempoh matang tertentu serta disokong oleh para pelabur dan institusi kewangan dalam Negara. Manakala pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan melalui dua sumber utama seperti berikut:

- i. Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure* - DE) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe - 11) sejumlah RM10 bilion; dan
- ii. Baki kos projek dibiayai daripada terbitan bon/sukuk oleh DanaInfra Nasional Berhad.

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9601

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes dan jumlah harta yang mana harta-harta orang yang disiasat telah dilucutkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 tanpa apa-apa pertuduhan jenayah terhadap pemilik-pemilik tersebut sejak 2010 (dari tahun ke tahun) dan mengikut negeri sama ada wujudnya atucara untuk menuntut harta-harta tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebanyak 9 kes harta telah dilucuthak bernilai RM27,394,175.74 pada tahun 2015 masing-masing 1 kes di Perak, 3 kes di Selangor, 4 kes di Kuala Lumpur dan 1 kes di Pahang.

Manakala sebanyak 7 kes harta dilucuthak bernilai RM2,978,736.57 pada tahun 2016. Bilangan kes mengikut negeri adalah 1 kes di Negeri Perak, 3 kes di Selangor, 4 kes di Kuala Lumpur dan 1 kes di Negeri Pahang.

Di bawah Seksyen 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUA), harta orang yang disiasat boleh dilucutkan walaupun tanpa apa-apa pertuduhan jenayah terhadap pemiliknya. Prosedur menuntut harta tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 61 AMLATFAPUA dimana pihak ketiga boleh menuntut apa-apa kepentingan dengan menghadirkan diri di ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

**TARIKH : 08.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini hubungan ketenteraan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat susulan perintah Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang melarang kemasukan pelarian dan warganegara dari tujuh negara Islam ke Amerika Syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat telah lama mempunyai hubungan ketenteraan yang baik dan kukuh. Hubungan dua hala ini melibatkan latihan ketenteraan, pertukaran maklumat, industri pertahanan, perolehan, kursus-kursus dan Latihan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam (*Humanitarian Assistance and Disaster Relief*).

Hubungan ketenteraan ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pendirian serta tindakan Presiden Amerika Syarikat, yang melarang kemasukan pelarian dan warganegara dari tujuh negara Islam ke Amerika Syarikat.

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID**

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9818

SOALAN:

**Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan ke atas Projek
Kebenaran Bekerja kepada pelarian Rohingya yang mempunyai kad
UNHCR sama ada ianya sama status dengan PATI atau mempunyai
kaedah lain.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja melibatkan kementerian dan agensi berkaitan bagi memperincikan dasar dan prosedur pelaksanaan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya termasuk aspek perundangan dan teknikal yang berkaitan.

Projek Perintis ini memfokuskan kepada golongan Etnik Rohingya kerana mekanisme adalah bersesuaian memandangkan golongan ini tidak diterima untuk pulang ke negara asal. Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya di bawah Projek Perintis ini diberikan pengecualian di bawah Seksyen 55 Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 4 Akta Pasport 1966 yang membenarkan mereka untuk berada di dalam negara bagi tempoh tertentu.

Projek Perintis ini turut memberi ruang kepada mereka untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah dan sekali gus dapat mengekang penglibatan mereka dalam aktiviti jenayah dan masalah sosial. Selain itu, Projek Perintis ini memudahkan Kerajaan memantau keberadaan mereka dalam negara, meningkatkan kemahiran teknikal serta membentuk kerjasama

antara Kerajaan dan UNHCR bagi mempercepat proses penempatan ke negara ketiga.

Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan gerak kerja Projek Perintis tersebut yang menasaskan 300 orang kumpulan kecil etnik Rohingya yang bekerja di bawah sektor perladangan dan perkilangan sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran pendapatan tambahan Kerajaan Persekutuan (jika dibandingkan dengan Bajet 2017) mengikut jenis (cukai petroleum, cukai pendapatan, GST, duti dan lain-lain) bagi 2017 dengan harga minyak mentah Brent pada paras USD58 setong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang kita semua sedia maklum, Bajet 2017 dirangka dengan andaian harga purata tahunan minyak mentah dunia pada paras USD45 setong. Pada masa ini, harga minyak mentah dunia kelihatan stabil pada paras sekitar USD55 setong (Januari hingga 27 Februari 2017: USD55.19 setong). Namun, dalam keadaan ekonomi global

yang tidak menentu, agak sukar untuk mengunjurkan bahawa harga minyak mentah pada paras ini akan kekal sepanjang tahun. Oleh itu, Kerajaan masih menggunakan andaian semasa pengumuman Bajet 2017 di mana harga minyak mentah dunia dianggarkan pada paras USD45 setong.

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN**

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9789

SOALAN:

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada beliau sedar
bahawa masalah perjudian dalam mesin komputer sedang giat berlaku
di kawasan pedalaman dan apakah tindakan Kementerian bagi
menangani masalah ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan berterusan bagi menangani masalah perjudian haram. Di samping melaksanakan Op Dadu terhadap premis-premis perjudian, PDRM turut memantau modus operandi yang digunakan oleh sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook, WeChat, WhatsApp, Short Message Service (SMS)* dan laman sesawang di Internet.

Kaedah yang digunakan adalah dengan menghantar SMS secara rambang kepada pemilik-pemilik nombor telefon mudah alih untuk melayari *website* tertentu yang dibuat secara *hyperlink* di Internet. Kebanyakan *website* ini mempamerkan wajah wanita cantik, berpakaian seksi dan juga menawarkan bonus berganda bagi menarik minat orang awam untuk berjudi.

Statistik serbuan berkaitan aktiviti perjudian di seluruh negara pada tahun 2011 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

SERBUAN DAN TANGKAPAN PERJUDIAN MESIN BERKOMPUTER DI SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2011 HINGGA JAN-SEPT 2016

KONTINJEN	SERBUAN						RAMPASAN MESIN					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
KL	6866	10453	8381	1170	1005	1806	15048	12293	9016	21679	15704	24823
SEL	5725	8874	15751	3812	6152	5647	20565	29924	28788	60980	59407	114036
JOHOR	3834	5083	7918	394	602	1927	25487	37488	9081	5711	6709	20220
P.PNG	1825	2912	4693	442	97	141	9496	7997	5940	6828	1008	416
PERAK	2243	1806	2284	452	75	239	11900	11516	5684	7423	780	20448
SABAH	438	1312	2578	326	75	98	2145	3171	3686	5077	674	987
PERLIS	0	0	1	0	0	0	0	0	6	0	0	0
KEDAH	1957	1737	3394	465	278	306	5281	8753	10637	6137	880	785
N/SBLN	666	966	2838	267	110	307	5955	7871	3325	4175	824	2218
MELAKA	619	336	359	188	101	237	487	2592	1466	5141	1302	3155
PAHANG	207	932	688	622	39	48	2620	10639	8838	14137	155	193
TRGANU	0	1	0	6	5	0	0	7	0	8	10	0
KLTN	84	236	425	0	0	24	0	89	0	0	0	0
SRWK	41	371	4285	947	565	99	273	2477	3647	11685	9140	993
JUMLAH	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274

KONTINJEN	TANGKAPAN						RAMPASAN WANG					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
KL	4278	3066	1748	2881	3012	4205	191768	141014	119390	202830	303146	459709
SEL	2317	2320	2179	4181	9044	6652	20597	84666	143675	330412	591755	484560
JOHOR	3176	5456	2308	2775	2504	9742	60528	143766	106426	199010	270292	553273
P.PNG	990	796	680	610	410	243	31441	106900	51477	75202	88404	44470
PERAK	658	542	472	841	565	680	10268	75017	68246	65416	64024	66380
SABAH	281	527	623	659	451	331	0	44383	38161	98352	183525	39438
PERLIS	0	0	7	0	0	0	0	81219	102	0	0	0
KEDAH	1026	1684	2133	1457	575	685	26551	225309	194929	93498	61509	37358
N/SBLN	536	367	252	329	118	773	42220	6447	86360	57764	47423	90674
MELAKA	209	543	211	430	234	370	0	52976.6	45662	13834	13552	19828
PAHANG	1062	4156	3551	3555	209	202	26929	12372	6506	261557.7	23226	14280
TRGANU	0	1	0	16	19	0		238	0	2200	835	0
KLTN	0	3	0	0	0	20		0	0	0	0	0
SRWK	61	685	1077	2676	2586	584	5857	0	0	313015	205534.65	71181
JUMLAH	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151

Selain daripada operasi mengekang kegiatan perjudian, PDRM juga telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- i) KDN telah membentangkan Nota Makluman berhubung aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri- Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil. 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang lain;**

- ii) melatih lebih ramai penganalisis pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenalpasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu sebagai mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**

- iii) meneruskan dan memperhebatkan kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian dengan menyasarkan golongan remaja. Program ini melibatkan PBT, agensi-agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta;**

- iv) PDRM telah menubuhkan unit pemantau di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memantau premis-premis perjudian yang pernah diserbu tidak kembali aktif; dan**

- v) PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Usaha untuk meminda Akta ini telah dibincangkan dengan pihak PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Seterusnya, pada Julai 2015 atas inisiatif pihak Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh negara bersama Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. PDRM telah mengenalpasti provisi-provisi yang perlu dipinda bagi menangani gejala perjudian dalam talian dengan lebih berkesan.**

PDRM sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun, usaha dan tindakan PDRM melalui Op Dadu tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada PDRM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan protokol dan keraian yang melibatkan elaun, kos perjalanan luar negara dan penganjuran program para menteri dengan tujuan menjiwai penderitaan rakyat marhaen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Kementerian Kewangan juga melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 bertarikh 11 Mac 2016 telah menetapkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan. Antara strategi-strategi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Mengurangkan elaun keraian YB Menteri dan YB Timbalan Menteri selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Jun 2008;
- ii. Perjalanan bertugas rasmi ke luar negara hanya dibenarkan bagi urusan mesyuarat dan persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sahaja; dan
- iii. Penganjuran majlis mahupun program keraian rasmi Kerajaan juga telah dihadkan dan dilaksanakan secara sederhana atau dilaksanakan dalam skala yang kecil.

Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan garis panduan kepada semua Kementerian untuk mengawal dan menghadkan perbelanjaan-perbelanjaan seperti elaun lebih masa, perbelanjaan utiliti, sewaan pejabat, peralatan pejabat, barang pakai habis, kempen, promosi, dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 8 MAC 2017

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah peningkatan kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja.

PR-1351-L00082

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi tahun 2016, sejumlah 31,314 kes kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja telah dilaporkan kepada PERKESO di seluruh negara berbanding 28,037 kes yang telah dilaporkan sehingga Disember 2015 iaitu peningkatan sebanyak 9.57% atau 2,735 kes.

2. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), termasuk badan-badan NGO seperti MBAM (*Master Builder Association of Malaysia*), MSOSH (*Malaysian Society of Occupational and Health*), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Persekutuan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Pertubuhan Profesional Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MOSHPA) dan sebagainya akan terus mempergiatkan usaha melaksanakan program-program kesedaran kemalangan perjalanan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Kempen Perjalanan Selamat, penerbitan video keselamatan, siri televisyen berkonsepkan perjalanan selamat dan pencegahan bencana kerja, mengedarkan topi keledar kepada pekerja yang menaiki motosikal, penyediaan garispanduan perjalanan selamat bersama SIRIM, program sokongan keselamatan perjalanan kepada 15 majikan terpilih dan lain-lain.

3. Pihak NIOSH dengan kerjasama PERKESO berusaha mengatasi masalah peningkatan kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja dengan menyediakan Program Latihan Khusus bagi melatih pekerja-pekerja yang berulang-alik dari rumah ke tempat kerja serta mereka yang bertugas sebagai pemandu.

4. Program latihan ini merangkumi aspek-aspek keselamatan di jalan raya, keperluan mematuhi undang-undang, kaedah pemanduan selamat dan berhemah diikuti dengan latihan praktikal.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 8.3.2017 (RABU)

SOALAN : 38

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan justifikasi kukuh yang mengizinkan UNIKL dan MARA menaja pasukan bola sepak The Red Warrior (Kelantan) hingga menjejaskan pinjaman untuk pelajar-pelajar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, UniKL merupakan antara anak syarikat di bawah MARA yang menyediakan laluan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), UniKL sememangnya mempunyai bajet operasi khusus bagi tujuan aktiviti promosi untuk melonjakkan lagi imej korporatnya di samping melebarluaskan aktiviti pemasaran yang menyeluruh.

UniKL turut memfokuskan kepada usaha-usaha penjenamaan yang dekat dengan kumpulan sasaran iaitu golongan belia. Antaranya dengan mengukuhkan jenama UniKL melalui strategi penajaan di media cetak dan elektronik serta penajaan bidang sukan.

Hasil daripada pelaksanaan strategi ini, UniKL berjaya meningkatkan imej dan jenama UniKL sebagai institusi TVET terulung negara. Perangkaan menunjukkan terdapat pertambahan pelajar ke UniKL selepas pelbagai aktiviti promosi dijalankan. Ini dapat dilihat pada tahun 2013 dengan jumlah kemasukan pelajar

ke UniKL adalah seramai 22,911 orang. Manakala bagi tahun 2014, kemasukan pelajar bertambah kepada 26,265 orang dan terus meningkat kepada 28,109 orang pada tahun 2015.

Urusan pemberian pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar IPMa diuruskan sepenuhnya oleh MARA menggunakan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9602

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah penularan kegiatan kumpulan kongsi gelap geng samseng di Malaysia. Adakah Kementerian bercadang dan mengambil tindakan dalam mengetengahkan polisi negara bebas kongsi gelap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan kongsi gelap atau *Thug Gang* dikesan banyak berunsurkan kekerasan seperti kes bunuh, cubaan membunuh, samun, mendatangkan kecederaan, pemerasan dan ugutan.

Statistik jenayah kekerasan melibatkan kumpulan kongsi gelap telah memperlihatkan penurunan bagi tempoh 2012 sehingga 2016 seperti berikut:-

BIL	KONTINJEN	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1.	SELANGOR	35	29	18	21	13
2.	K. LUMPUR	9	12	7	2	7
3.	JOHOR	9	9	5	11	7
4.	PERAK	13	9	4	5	1
5.	P. PINANG	6	22	6	7	3
6.	N. SEMBILAN	25	9	1	1	2
7.	KEDAH	6	7	10	1	2
8.	MELAKA	3	2	2	2	0
9.	KELANTAN	2	0	0	0	0
10.	TERENGGANU	0	0	0	0	0

11.	PAHANG	0	0	1	1	0
12.	PERLIS	0	0	1	0	0
13.	SABAH	0	0	0	0	1
14.	SARAWAK	0	0	1	0	1
JUM. KESELURUHAN		108	99	56	51	37

Kementerian bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengekang aktiviti kongsi gelap seperti berikut:-

- i) melancarkan Op Cantas Khas pada 17 Ogos 2013 dan diteruskan sehingga kini dengan memberi penekanan khusus kepada kumpulan kongsi gelap. Di samping itu, Kementerian telahewartakan sebanyak 72 kumpulan kongsi gelap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Tindakan terhadap mana-mana ahli yang menganggotai kumpulan tersebut boleh diambil di bawah Seksyen 43 dan 52 Akta Pertubuhan 1966;**
- ii) meminda dan memperkasakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) yang memperlihatkan aktiviti kongsi gelap telah berjaya dibendung; dan**
- iii) membuat pemeriksaan dan penggeledahan di tempat persembunyian, tempat yang sering dikunjungi dan markas kumpulan kongsi gelap untuk mencari**

senjata-senjata berbahaya yang digunakan oleh kumpulan tersebut.

Hasil daripada operasi yang dijalankan menunjukkan kesan yang positif di mana aktiviti kongsi gelap telah dapat dikurangkan dan perasaan *fear of crime* di kalangan penduduk juga telah dapat dikurangkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[BN (UMNO) – TASEK GELUGOR]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN : 40

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah negara pernah mengalami situasi pencerobohan siber yang serius dan apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghadapi ancaman sedemikian di masa akan datang.

JAWAPAN: **YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia pernah mengalami situasi ancaman keselamatan siber apabila berlaku serangan siber pada tahun 2011 dan 2015 melibatkan kumpulan haktivis Anonymous, serangan siber sewaktu insiden Lahad Datu pada tahun 2013 dan serangan siber sewaktu insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dan perlindungan agensi-agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) daripada ancaman dan serangan siber melalui inisiatif di bawah Dasar Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Policy (NCSP)) dan Pelan Pengurusan Keselamatan Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan (NCCMP)). Pelan ini telah diterjemahkan kepada dua (2) dokumen iaitu Arahan MKN No. 24 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara dan Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasan Krisis Siber Negara.

Antara program kesiapsiagaan yang dilaksanakan sejak tahun 2008 adalah Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji dan membiasakan (*familiarize*) agensi CNII dengan mekanisme pengendalian

insiden siber dan meningkatkan tahap keupayaan serta kesediaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber. Pada tahun ini, MKN akan melaksanakan Latih Amal Krisis Siber Negara pada 6 Mac 2017 hingga 8 Mac 2017 yang akan melibatkan sebanyak 92 agensi CNII.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' [KOTA BHARU]

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini permohonan Malaysia untuk membuat semakan semula keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung kes tuntutan ke atas Pedra Branca (Pulau Batu Puteh); dan
- (b) sejauh manakah peluang Malaysia memenangi kes ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali

kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (42)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]
DARIPADA : YB. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

SOALAN :-

YB. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang wujud dalam mengatasi masalah yang berlaku begitu ketara di Sarawak di antara pemaju dengan pihak pembeli di mana rumah yang dibeli dalam keadaan yang tidak memuaskan. Apakah keberkesanan agensi kerajaan yang wujud bagi mengatasi masalah tersebut memandangkan ada aduan diterima bahawa ianya tidak membawa apa-apa penyelesaian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Peraturan-Peraturan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penguatkuasaan dan menyelesaikan permasalahan antara pemaju dan pembeli rumah di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

Akta 118 ini tidak terpakai bagi menyelesaikan aduan dan kes-kes berkaitan perumahan di Negeri Sarawak. Kes-kes berkaitan perumahan di Sarawak adalah tertakluk di bawah Ordinan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1993 yang dipantau oleh Kementerian Perumahan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HJ.
NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam mendidik masyarakat tentang pengambilan kalori yang bersesuaian dalam mengurangkan kadar obesiti masyarakat dewasa di negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksana beberapa inisiatif bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang kalori (*calorie conscious society*). **Inisiatif ini dijalankan melalui beberapa pendekatan mengikut *setting* seperti institusi dan tempat kerja serta komuniti bagi menangani masalah obesiti.**

Antara inisiatif yang dijalankan di institusi dan tempat kerja adalah Pengiktirafan Kafeteria Sihat, Penyajian Hidangan Sihat Semasa

Mesyuarat (PHSSM) di tempat kerja dan latihan Katering Sihat kepada semua pengusaha dan pengendali makanan.

Manakala di peringkat komuniti pula, pihak KKM telah melaksanakan Kempen Kesedaran Kalori Di R&R Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat-syarikat konsesi. Aktiviti promosi yang berterusan bersama komuniti turut dijalankan seperti Program Pemakanan Sihat di Pasaraya, Pusat Maklumat Pemakanan (PMP), Dapur Sihat Masyarakat (DSM) dan Program Komuniti Sihat, Perkasa Negara (KOSPEN) dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti KEMAS dan Rukun Tetangga.

Selain itu, pihak KKM juga bekerjasama dengan pihak industri makanan dengan memperkenalkan Ikon Pek Hadapan Tenaga (*Front of Pack Labelling for Energy*, FOP) serta pelaksanaan pelabelan kalori bagi makanan yang dijual di restoran makanan segera. Ini bagi memberi pilihan kepada rakyat untuk memilih makanan yang rendah kalori dalam mengamalkan amalan makan secara sihat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam memastikan penyebaran yang lebih meluas tentang mesej berkaitan kepentingan kalori ini, pihak Kementerian Kesihatan turut sama menggunakan media sosial melalui penggunaan laman web KKM, *Facebook* dan *Instagram* selain media cetak dan media elektronik. **Usaha berterusan ini akan diteruskan dan dipertingkatkan untuk memastikan rakyat menerapkan amalan pemakanan sihat bagi menangani masalah obesiti.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terhadap pihak-pihak yang memalsukan alamat pemilih untuk tujuan memindahkan pengundi-pengundi ke suatu kawasan pilihan raya walaupun individu tersebut bukan pemastautin di alamat tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 12 (2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, semasa permohonan pendaftaran baru atau pendaftaran tukar alamat dibuat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hanya akan mengguna pakai alamat pada kad pengenalan seperti mana yang dinyatakan oleh pemohon/pemilih di dalam Borang Pendaftaran Pemilih (Borang A). Justeru, sebarang permohonan pendaftaran baru atau pendaftaran tukar alamat yang mempunyai alamat yang berbeza sepertimana alamat pada kad pengenalan akan ditolak oleh SPR.

Alamat pada kad pengenalan hanya diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri dan SPR tidak mempunyai kuasa dalam mengenal pasti sekiranya berlaku ketidaksahihan terhadap sesuatu alamat di dalam kad pengenalan yang diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR juga sentiasa mengingatkan kepada pemilih-pemilih untuk membuat semakan maklumat pilihan raya menjelang sesuatu Pilihan Raya Umum/ Pilihan Raya Kecil bagi memastikan pemilih mendapat maklumat yang sah dan betul. Sekiranya terdapat permasalahan mengenai perkara tersebut, aduan boleh dikemukakan kepada SPR untuk tindakan siasatan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9603

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap tahap keselamatan di lapangan terbang di negara kita ekoran dengan kejadian kes pembunuhan Kim Jong-nam di KLIA2.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Lapangan terbang di seluruh negara merupakan instalasi sasaran penting keutamaan (1) yang diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Seksyen (4) dan Seksyen (5) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) merupakan penghuni instalasi sasaran penting bagi Lapangan Terbang, manakala Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) adalah pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas kawalan dalam kawasan lapangan terbang sebagaimana tafsiran di Seksyen 3 Akta 298.

Di bawah *National Civil Aviation Security Programme* (NCASP), kawasan penugasan telah dibahagikan di mana *airside* terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) manakala *landside* di bawah kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Merujuk kepada beberapa insiden yang berlaku di kawasan lapangan terbang di dalam dan di luar negara sejak kebelakangan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah bagi

memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang melalui tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i) Mulai 1 April 2016, tahap keselamatan di semua lapangan terbang antarabangsa (LTAB) telah dinaikkan ke tahap jingga oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DCA). Selaras dengan itu, satu mesyuarat penyelarasan antara agensi keselamatan telah diadakan pada 4 April 2016 bagi membincangkan langkah-langkah untuk memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang. Mesyuarat berkenaan juga telah memutuskan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyelaraskan aspek keselamatan LTAB khususnya di *landside* dan kawasan kargo.**

- ii) Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui pasukan naziran yang dilantik akan membuat pemeriksaan keselamatan dan melaporkan mengenai langkah-langkah keselamatan fizikal yang perlu dilaksanakan oleh penghuni-penghuni sasaran penting secara berkala.**

- iii) PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Kerjasama Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) telah melancarkan “Op Ledak” dengan melaksanakan rondaan**

di *landside* KLIA secara syif 24 jam dengan kekuatan setiap rondaan terdiri daripada dua (2) anggota PDRM dan seorang (1) anggota ATM.

- iv) Komander Briged Tengah PGA yang berpangkalan di Cheras, Kuala Lumpur telah dilantik sebagai *Comander Crisis Management Team (CMT)* dan anggota *strike-force* daripada Unit Tindakan Khas serta 69 Komando boleh diatur gerak pada bila-bila masa untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.
- v) PDRM khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA) sedang membuat kajian bagi meneliti langkah untuk menambah bilangan anggota bertugas mengikut keperluan dan penilaian tahap keselamatan di lapangan terbang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi lain yang berkaitan dengan Lapangan Terbang telah mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk menentukan tahap keselamatan lapangan terbang berada dalam keadaan yang selamat daripada sebarang ancaman dan perbuatan sabotaj. Kejadian yang berlaku di lapangan terbang seperti serangan kepada pimpinan Tamil Naidu Sri Lanka dan kematian abang tiri Presiden Korea Utara di KLIA terjadi di kawasan yang boleh dimasuki oleh orang awam. Walaupun agak sukar untuk pihak berkuasa mengesan perlakuan sedemikian pada peringkat awal, tahap kesiapsiagaan dan

tindakan kawalan akan terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di lapangan terbang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH AWANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Puan Rubiah Awang [Kota Samarahan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) adakah peruntukan perundangan gangguan seksual berkesan pada masa ini; dan
- (b) adakah Kementerian akan mengkaji semula perundangan sedia ada bagi memperluas perlindungan kepada golongan wanita daripada gangguan seksual di luar tempat kerja atau di tempat awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia masih tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang dalam negara yang boleh diguna pakai bagi membantu mangsa gangguan seksual.

Peruntukan undang-undang gangguan seksual ini diperuntukkan Kanun Keseksaan [Akta 574] di bawah seksyen berikut:

- a) Seksyen 354 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan);

- b) Seksyen 355 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak

menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah);

c) Seksyen 377D (Kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian); dan

d) Seksyen 509 (Kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang, sama ada dengan perkataan atau isyarat)

Selain daripada peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, Kementerian Sumber Manusia juga telah melancarkan Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja bagi sektor swasta pada tahun 1999. Kod Amalan ini merupakan satu garis panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh majikan bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Kod amalan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Bagi mengukuhkan lagi usaha menangani kes gangguan seksual, Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada 1 April 2012 melalui P.U.(B) 85/2012 yang mana pindaan telah menambah peruntukan khas berkaitan gangguan seksual yang terdapat

dalam Bahagian XVA, seksyen 81A sehingga seksyen 81G. Pindaan ini menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kes gangguan seksual di sektor awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005, mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2005. Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan mendidik, memberi kefahaman dan juga sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

Buat masa ini, Kementerian telah mengadakan sesi konsultasi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sedang dalam proses untuk mengkaji keperluan mewujudkan undang-undang khusus berkaitan gangguan seksual merangkumi gangguan seksual di tempat kerja dan di tempat awam.

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9604

SOALAN:

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan punca kematian Kim Jong Num di
KLIA2 pada 13 Februari 2017.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kematian Kim Jong Nam, abang tiri kepada Presiden Korea Utara berlaku di *Kiosk Self Check In* Air Asia berhadapan kaunter daftar masuk W, Aras 3, Lapangan Terbang KLIA 2, Sepang pada 13 Februari 2017 berkait KLIA Sepang Report 002798/17. Kes tersebut telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Sehingga kini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menangkap 4 orang suspek terdiri daripada seorang wanita warganegara Vietnam, seorang wanita warganegara Indonesia, seorang lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warganegara Korea bagi membantu siasatan.

Kertas siasatan yang lengkap telah dimajukan kepada Timbalan Pendakwaraya dan arahan diberikan seperti berikut:-

- i) kedua-dua orang wanita warga negara Indonesia dan Vietnam dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 1 Mac 2017;**
- ii) seorang lelaki warga tempatan diberikan bon di bawah Seksyen 49 Kanun Tatacara Jenayah pada 22 Febuari 2017; dan**

iii) seorang lelaki warganegara Korea Utara diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tujuan pengusiran.

Memandangkan kes berkenaan telah dihadapkan ke Mahkamah, Kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lanjut berkaitan kes ini kerana dikhuatiri akan *sub judice* kepada proses perbicaraan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :**

YB Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian dan agensi melalui media sosial ke atas penjual produk-produk kesihatan terutamanya kosmetik atau farmaseutikal yang dibimbangi mengandungi bahan-bahan yang tidak disahkan oleh Kementerian.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil beberapa langkah drastik untuk mengawal penjualan produk-produk farmaseutikal dan kosmetik dalam talian termasuk di media sosial dan aplikasi pesanan ringkas seperti *WeChat*, *Whatsapp* dan sebagainya dengan mewujudkan satu Seksyen Inteligens dan Forensik Siber dibawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi pada tahun 2014. Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan memberi bantuan dalam aspek sokongan teknikal bagi kes-kes yang melibatkan internet dan aplikasi dalam talian termasuk mengumpul maklumat digital untuk tujuan tindakan penguatkuasaan. Selain itu, satu "task force" juga telah ditubuhkan untuk membuat '*Internet-activity analysis*' termasuk

memantau dan menyiasat aktiviti penjualan produk farmaseutikal di alam maya.

Semenjak tahun 2014 ini, pasukan ini telah memantau dan menyiasat sebanyak 658 laman web dan media sosial. Bilangan pemantauan ini telah meningkat kepada 683 pada tahun 2015. Pada tahun 2016, sebanyak 814 laman sesawang dan media sosial dipantau, disiasat dan diambil tindakan.

Tuan Yang Di Pertua,

Tindakan penguatkuasaan KKM ke atas farmasi '*online*' ini termasuk bekerjasama dengan pihak CyberSecurity Malaysia (CSM) dalam membuat serbuan ke atas premis perniagaan penjualan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi dalam talian di seluruh Malaysia. Laman web yang telah dikenalpasti dan disiasat akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tujuan sekatan. Selain itu, KKM juga membuat aduan kepada pihak *Facebook* dan *Google* untuk menyekat akaun penjual yang menggunakan platform ini untuk aktiviti jualan produk. Pada tahun 2016, sebanyak 300 laman web telah dilaporkan dan disekat.

KKM juga terlibat secara aktif dalam kerjasama antarabangsa agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang diselaraskan oleh pihak Polis antarabangsa (INTERPOL) melalui Operasi Pangea dan Storm.

Tuan Yang Di Pertua,

KKM akan terus mengambil tindakan ke atas laman web dan media sosial yang menjual produk tidak berdaftar dan kosmetik yang tidak bernerotifikasi. Kempen serta amaran telahpun disebarkan melalui Whatsapp dan juga 15 laman rasmi Facebook Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM bagi memberikan kesedaran demi menjaga keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 49

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan kelajuan internet di Malaysia akan dinaik taraf seperti yang disebut dalam Bajet 2017. Bilakah naik taraf ini dijangka siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana pengumuman dalam ucapan oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan pembentangan Bajet 2017, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) sedang giat melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan kelajuan jalur lebarnya secara berperingkat. Kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur ini sedang berjalan dan ia telah bermula pada bulan Februari 2017 yang lalu di mana dijangka semua kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur tersebut akan selesai pada akhir tahun 2017 ini .

SOALAN NO : 49

Pihak TM sentiasa berhubung dengan para pelanggan untuk memaklumkan mengenai status penaiktarafan ini dan setakat ini, maklumbalas yang diterima daripada mereka adalah baik dan positif, di mana kebanyakan mereka menyambut baik peningkatan kelajuan ini pada harga yang sama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset hartanah yang diambil-alih daripada 1MDB dan "consideration" yang dibayar kepada 1MDB. Adakah MOF mengambil-alih pinjaman berkaitan dengan aset tersebut, termasuk pinjaman SOCSO RM800 juta dan sukuk RM2.4 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 7 April 2016 telah mengeluarkan laporan menyeluruh mengenai 1MDB yang bertajuk "Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development

Berhad (1MDB)". Laporan ini telah dibentangkan kepada semua ahli Yang Berhormat di Parlimen dan boleh dimuat turun dari laman web PAC.

Tuan Yang Dipertua,

Perkara 5 dalam muka surat 106 laporan tersebut menyatakan bahawa "Anak-anak syarikat dan aset milik kumpulan 1MDB (TRX, Bandar Malaysia, tanah Air Itam, tanah Pulau Indah) seharusnya diserahkan kepada MKD, supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti".

Walaupun pihak PAC telah menyarankan penyerahan aset 1MDB kepada MKD, ia tidak menyatakan apa-apa saranan mengenai hutang dan tanggungan yang masih tinggal di dalam 1MDB. Pihak Kementerian Kewangan masih belum lagi memuktamadkan kaedah terbaik dan "*consideration*" yang sewajarnya sebagai balasan untuk penyerahan aset tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Muka surat 81 laporan PAC juga turut memperincikan bagaimana

pinjaman SOCSO sebanyak RM800 juta oleh TRX City Sdn Bhd dan sukuk sebanyak RM2.4 bilion oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd akan diuruskan, di mana ia akan kekal ditanggung oleh aliran tunai projek TRX dan projek Bandar Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017

**SOALAN : Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
langkah diplomasi Malaysia untuk tindakan
segera berikutan laporan Pertubuhan Bangsa-
Bangsa Bersatu (PBB) yang
mendokumentasikan keganasan ke atas etnik
Rohingya di wilayah Rakhine Myanmar
dianggap jenayah kemanusiaan dan perlu
ditamatkan serta-merta.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu penindasan etnik Rohingya di Myanmar. Ekoran daripada insiden keganasan di utara Wilayah Rakhine, pada 9 Oktober 2016, Malaysia telah mengeluarkan Siaran Akhbar pada 25 November 2016, yang mengecam tindakan-tindakan keganasan yang berlaku di wilayah tersebut yang mengorbankan ramai mangsa tidak bersalah serta mengakibatkan "*displacement of people*" di utara Rakhine.

3. Susulan daripada Siaran Akhbar pada 25 November tersebut, Malaysia telah memanggil Duta Besar Myanmar ke Malaysia untuk menyuarakan kebimbangan Malaysia terhadap situasi semasa di Rakhine serta pendirian dan keprihatinan Kerajaan terhadap isu ini. Pegawai Kanan Wisma Putra juga telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan Duta Besar Myanmar ke Malaysia dan meminta penjelasan daripada beliau mengenai perkembangan terkini situasi di utara wilayah Rakhine.

4. Selagi isu ini tidak selesai, Malaysia akan terus mengadakan perbincangan/perdampingan secara konstruktif (*constructive engagement*) dengan Kerajaan Myanmar untuk memastikan penindasan dan kekejaman

terhadap etnik Rohingya dihentikan. Perbincangan secara konstruktif dengan Kerajaan Myanmar diadakan secara konsisten di pelbagai peringkat termasuk di peringkat Pegawai Kanan Kerajaan, Menteri Luar Negeri dan Pemimpin kedua-dua Kerajaan.

5. Alhamdulillah, usaha-usaha Malaysia selama ini didapati berkesan bagi membantu meringankan keperitan yang dialami oleh etnik Rohingya di Myanmar. Salah satu contoh keberkesanan perbincangan berterusan antara kedua-dua negara adalah kejayaan misi kemanusiaan "*Food Flotilla for Myanmar*". Misi kemanusiaan tersebut berjaya untuk menyalurkan bantuan kepada komuniti yang terjejas di Rakhine, terutamanya kepada etnik Rohingya.

6. Melihat kepada perkembangan tersebut, Kerajaan Malaysia akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Myanmar untuk membantu badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada semua komuniti yang terjejas di Rakhine. Bantuan ini bukan sahaja akan disalurkan kepada etnik Rohingya beragama Islam bahkan turut disalurkan kepada kumpulan etnik lain di Rakhine.

7. Sebagai mana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, pendirian dan dasar luar negara yang diamalkan oleh Malaysia dan negara-negara Anggota ASEAN adalah amat jelas dan konsisten iaitu mengamalkan prinsip menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah, tiada campur tangan dan menghormati identiti nasional. Walau bagaimanapun, Malaysia percaya bahawa negara-negara anggota ASEAN juga mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi prinsip-prinsip antarabangsa mengenai perlindungan hak

asasi manusia seperti yang terkandung di dalam Piagam ASEAN dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN.

8. Justeru itu, untuk mengelakkan dari insiden "*boat people*" yang melarikan diri dari Myanmar dan tersekat di tengah-tengah laut andaman pada tahun 2015 berulang, Malaysia telah mengambil inisiatif supaya diadakan Sesi Tergempar di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN dan OIC. Inisiatif ini dipelopori oleh Malaysia memandangkan isu pelarian beramai-ramai dari Myanmar boleh menjejaskan keselamatan dan mengakibatkan ketidakstabilan serantau.

9. Cadangan untuk mengadakan Sesi Tergempar diperingkat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN telah ditolak oleh Kerajaan Myanmar. Namun, hasil daripada desakan Malaysia dan masyarakat antarabangsa, satu Sesi Pemukiman di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN telah dianjurkan oleh Kerajaan Myanmar di Yangon pada 19 Disember 2016.

10. Semasa Sesi Pemukiman tersebut, Kerajaan Myanmar memberi jaminan untuk memaklumkan perkembangan terkini berhubung situasi di Rakhine dan membenarkan akses untuk bantuan kemanusiaan memasuki Rakhine.

11. Malaysia sekali lagi telah mengetengahkan perkara ini semasa Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di Boracay, Filipina pada 21 Februari 2017, di mana Malaysia dan juga rakan ASEAN yang lain komited untuk mencari jalan penyelesaian yang adil, lestari dan berjangka panjang bagi menangani masalah yang dihadapi di kawasan-kawasan yang terjejas

di Wilayah Rakhine, khususnya terhadap etnik Rohingya di Wilayah tersebut.

Tuan yang di-Pertua,

12. Malaysia tidak berhenti di peringkat ASEAN. Kita menyedari bahawa isu ini bukan sahaja perlu diberi fokus oleh ASEAN tetapi juga masyarakat antarabangsa. Justeru itu, Malaysia telah membawa isu ini di peringkat OIC dimana satu Sesi Tergempar di Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri OIC mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya di Myanmar telah dianjurkan oleh Malaysia di Kuala Lumpur pada 19 Januari 2017.

13. Mesyuarat ini telah mengupas situasi minoriti Islam Rohingya di Myanmar secara mendalam. Mesyuarat ini juga membuktikan kesungguhan Malaysia dan negara-negara anggota OIC lain dalam membantu mengurangkan penderitaan etnik Rohingya. Sebagai langkah konkrit, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM10 juta bagi membiayai usaha kemanusiaan dan projek pemulihan sosial di Rakhine semasa mesyuarat tersebut.

14. Pada akhir Sesi Tergempar tersebut, dua dokumen hasil berkaitan minoriti Islam Rohingya di Myanmar telah diterima pakai oleh negara-negara anggota OIC, iaitu:

- (i) Resolusi Mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya di Myanmar; dan

(ii) **Kenyataan Akhir (*Final Communique*) Sesi Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC Mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya di Myanmar.**

15. Adalah jelas daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Malaysia, tindakan-tindakan ini merupakan salah satu cara bagi Malaysia mengutarakan bantahan terhadap isu Rohingya tersebut.

16. Di peringkat pelbagai hala, Malaysia akan menyokong semua usaha yang dilaksanakan oleh masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain, dalam membantu meringankan penderitaan yang ditanggung oleh etnik Rohingya.

17. Pada masa yang sama, Kerajaan Myanmar pimpinan Daw Aung San Suu Kyi yang dibentuk pada bulan November 2015 haruslah diberi peluang untuk mengambil langkah-langkah proaktif sebagaimana yang disarankan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Tidak dinafikan bahawa Kerajaan Myanmar telah mengambil beberapa langkah bagi mencari jalan penyelesaian mengenai isu Rohingya.

18. Yang terkini, Kerajaan Myanmar telah mengumumkan pada 15 Februari 2017 bahawa operasi keselamatan di utara Rakhine yang bermula sejak kejadian serangan pada 9 Oktober 2016 telah dihentikan. U Thaung Tun, Penasihat Keselamatan Kebangsaan Kerajaan Kesatuan memaklumkan bahawa situasi keselamatan di utara Rakhine telah stabil dan berikutan itu, perintah berkurung juga telah dilonggarkan. Beliau menekankan bahawa kehadiran pegawai-pegawai polis buat masa ini

adalah untuk menjaga keamanan di kawasan tersebut. U Thaung Tun juga memberi jaminan bahawa tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana ahli keselamatan yang telah mencabul hak asasi manusia di utara Rakhine.

19. Akhirnya kesemua usaha-usaha Malaysia telah berjaya mengembalikan fokus masyarakat antarabangsa terhadap isu ini. Fokus tersebut sekarang telah bertukar kepada tekanan-tekanan dari masyarakat antarabangsa yang semakin diambil serius oleh Kerajaan Myanmar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan tuntutan IPIC terhadap Kerajaan Malaysia dan 1MDB sebanyak USD 6.5 billion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration (LCIA). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines* (dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]
DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]

SOALAN :-

YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan berapakah dari jumlah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah mengikuti garis panduan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang telah dibenteng dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Disember 2011 dan Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-65 pada 21 Mac 2012. Garis Panduan ini juga telah diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Julai 2012.

Garis panduan ini mengandungi cadangan bagi aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan dan juga proses penubuhan Tadika dan TASKA untuk diguna pakai oleh PBT dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Tujuan penyediaan garis panduan ini adalah bagi mewujudkan Tadika dan TASKA

yang mempunyai persekitaran yang berkualiti tinggi, selesa dan selamat demi perkembangan rohani dan jasmani kanak-kanak.

Sehingga kini, garis panduan ini telah dibentangkan di Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) untuk diterima pakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Pulau Pinang yang telah mempunyai garis panduan sedia ada bagi perancangan Tadika dan TASKA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 96 PBT daripada 98 PBT di Semenanjung Malaysia yang telah dikenal pasti menerima pakai garis panduan ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 54

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan rancangan pihak Kementerian supaya kemudahan perhubungan menerusi telefon bimbit dapat dinikmati oleh semua perkampungan di kawasan Baram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan di seluruh negara termasuk di Parlimen Baram. Inisiatif ini melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G.

Sehingga kini, sebanyak 33 buah menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Baram manakala, 2 buah lagi menara

SOALAN NO : 54

komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap pada suku kedua 2017.

Selain itu, sebanyak 4 buah menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Baram. Dengan terlaksananya inisiatif ini, kemudahan perhubungan menerusi telefon bimbit dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan Baram.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan kepada sekolah-sekolah rendah Cina bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 dan nyatakan bila peruntukan tersebut disalurkan kepada sekolah-sekolah rendah Cina pada tahun-tahun berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited menyediakan peruntukan mengurus bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dilaksanakan dengan berkesan. Peruntukan yang disalurkan kepada SJKC dari tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah sebanyak RM9,352,865,388.00. Penyaluran peruntukan dibuat pada awal tahun dan secara berperingkat. Bagi tahun 2017, anggaran peruntukan untuk SJKC adalah sebanyak RM2,814,595,468.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agihan peruntukan Bantuan Persekolahan kepada SJKC disalurkan melalui dua peringkat iaitu Penyaluran Awal Tahun Persekolahan (Januari – Mac) berdasarkan enrolmen murid pada Oktober tahun sebelumnya; dan Penyaluran Pelarasan (September - Oktober) berdasarkan enrolmen murid pada Jun tahun semasa.

Selain daripada itu, SJKC di bawah kategori Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) turut menerima peruntukan untuk pembangunan dan penyelenggaraan fasiliti sekolah. Jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan ialah sebanyak RM100 juta pada tahun 2013, RM50 juta tahun 2014, RM50 juta tahun 2015, RM16.5 juta tahun 2016 dan RM 50 juta pada tahun 2017.

RJM16

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pendang]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

**SOALAN : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pendang] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan berapakah jumlah
peserta dan keluasan tanah terbiar di
bawah Program Tanah Terbiar di
negeri Kedah mengikut daerah.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, seluas 1,043.46 hektar (20.23%) kawasan tanah terbiar yang berpotensi telah dibangunkan daripada jumlah keseluruhan 5,158.95 hektar tanah terbiar di negeri Kedah, dibawah Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Pelaksanaan projek ini di Negeri Kedah melibatkan seramai 694 orang peserta yang mengusahakan tanaman singkat masa seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Jumlah pengeluaran yang telah dihasilkan sehingga kini adalah sebanyak 40,462 tan dengan nilai RM18.4 juta.

Berikut adalah pecahan jumlah keluasan tanah terbiar yang telah dibangunkan dan bilangan peserta yang terlibat, mengikut daerah;

Bil	Daerah	Luas (Ha)		Bilangan Peserta (Orang)
		Kawasan Tanah Terbiar	Keluasan Dibangunkan	
1.	Kubang Pasu	540.89	101.70	91
2.	Padang Terap	62.81	61.86	17

3.	Sik	345.5	94.60	91
4.	Baling	837.46	101.00	130
5.	Kulim Bandar Baharu	57.43	51.50	16
6.	Kuala Muda	2300.22	511.90	251
7.	Yan	31.97	30.00	25
8.	Pendang	43.11	47.6	36
9.	Kota Setar	636.19	-	-
10.	Pokok Sena	149.47	-	-
11.	Langkawi	513.9	43.30	37
JUMLAH		5,158.95	1,043.46	694

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK [
LUBOK ANTU]**

TARIKH : 8.3.2017 (RABU)

SOALAN : 57

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan membekalkan bekalan eletrik ke kawasan Kejemut, Tembong dan Tabut Skrang, Lubok Antu dalam tahun 2017 ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian belum bercadang untuk melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi kawasan Kejemut, Tembong dan Tabut Skrang, Lubok Antu bagi tahun 2017. Walau bagaimanapun, berdasarkan perancangan Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS), Kementerian akan menyenaraikan kawasan tersebut untuk pelaksanaan bagi tahun 2019. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang bakal diluluskan kelak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan siasatan kes SMK Bandar Sibu di mana 4 orang pelajar yang tidak dibenarkan menduduki peperiksaan SPM subjek Matematik pada 14 November 2016 dan adakah mereka diberi peluang untuk menduduki peperiksaan SPM subjek Matematik serta apakah tindakan yang diambil ke atas pengetua sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan kes terhadap SMK Bandar Sibu telah disiasat dan hasil siasatan telah mendapati bahawa pengetua atau pihak sekolah tidak pernah mengeluarkan kenyataan menghalang calon daripada menduduki peperiksaan kertas Matematik seperti didakwa. Walau bagaimanapun, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah memberi nasihat serta panduan sewajarnya ke atas pengetua berkenaan.

Calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh menduduki semula peperiksaan bagi mata pelajaran Matematik sekiranya mereka mendaftarkan diri untuk menduduki SPM Ulangan yang akan dijalankan pada bulan Jun 2017.

RJM17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 59

Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menyekat penyebaran maklumat yang tidak sah atau palsu dalam laman sosial.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Kementerian lain dan agensi penguatkuasaan seperti PDRM dalam membendung penyalahgunaan Internet dan media sosial, serta kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sah/palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara.

Secara keseluruhan, antara tahun 2016 sehingga 1 Feb 2017, SKMM telah menyiasat sebanyak **167 kes** penyalahgunaan Internet dan media sosial di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, termasuklah kes

SOALAN NO: 59

yang melibatkan penyebaran kandungan dan maklumat palsu melalui platform WhatsApp, Facebook, Twitter dan sebagainya.

Dalam tempoh yang sama, **1,375** laman telah disekat berkaitan kesalahan kandungan berunsur palsu.

Selain aspek penguatkuasaan, Kementerian melalui SKMM turut menggerakkan pelbagai inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara, yang antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Melalui program sebegini, masyarakat juga dididik agar tidak berkongsi kandungan dan maklumat yang tidak ditentusahkan, serta lebih peka dan tidak terlalu mudah mempercayai setiap perkara yang tersebar tanpa membuat semakan dengan sumber yang betul.

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO**

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9605

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas Bukit Aman untuk menyiasat kes kematian S.Balamurugan di lokap polis di IPD Klang Utara. Mengapakah Kerajaan masih belum menggantung pegawai polis yang terlibat supaya penyiasatan tidak terganggu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasa yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2016, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian. Kementerian juga tidak bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat kes berkenaan. Tindakan terhadap pegawai yang terlibat akan ditentukan setelah kes berkenaan selesai disiasat oleh pihak-pihak yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada RM60.0 juta telah siap disediakan apabila beliau mengumumkan pada 13/2/2017 bahawa bangunan tambahan Hospital Seri Manjung akan dibina pada akhir tahun ini kerana projek ini telah lama diumumkan. Sudahkah pelan bangunan dan semua kelulusan-kelulusan yang diperlukan untuk membangunkan bangunan tambahan ini telah diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Naiktaraf Hospital Seri Manjung, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke 10 *Rolling Plan 3* dengan kos RM 60 juta. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Kos bagi projek ini telah dibincangkan di dalam Makmal Pengurusan Nilai (Value Management) pada 28 September 2015 sehingga 02 Oktober 2015.

Projek ini telah ditender pada 26 Januari 2016 dan ditutup pada 16 Mei 2016. Walaubagaimanapun, keputusan penilaian tender pada 19 Ogos 2016 telah memaklumkan kontraktor yang telah disenarai pendek tidak menepati syarat pemilihan yang telah ditetapkan.

Projek ini telah dimasukkan semula dalam mesyuarat *Value Engineering* (VE) pada 24 Februari 2017 dan Mesyuarat telah memutuskan supaya pihak Head Of Design Team (HODT) JKR untuk mengemukakan maklumat tambahan berkaitan:

- i. keperluan khas pembinaan;
- ii. *construction methods*;
- iii. *site constraint*;
- iv. *cost projection (2018)*; dan
- v. perbezaan kos pelaksanaan projek secara dua (2) fasa dalam satu (1) kontrak. (fasa 1: naiktaraf sistem bekalan elektrik & fasa 2 : pembinaan blok tambahan)

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memuktamadkan VE berdasarkan maklumat tambahan daripada pihak HODT pada 27 hingga 29 Mac 2017 dan projek ini akan ditender semula setelah selesai VE dan penyediaan *need statement*.

kerana kos ini adalah tinggi, KKM telah mengkaji beberapa kaedah untuk meningkatkan akses rawatan hepatitis C di Malaysia. Antara kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan akses ubat Sofosbuvir yang murah adalah dengan menggunakan Hak Kerajaan, di mana kerajaan Malaysia dapat mengimport ubat generik Sofosbuvir yang harganya jauh lebih murah berbanding ubat Sofosbuvir *innovator* dengan syarat-syarat tertentu.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini sedang menyediakan satu kertas kerja berkenaan perkara ini dan akan dikemukakan untuk kelulusan di peringkat Jemaah Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO [KLANG]**
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan "Compulsory Licensing" untuk ubat "Sofosbuvir" agar membantu pesakit-pesakit Hepatitis C. Apakah kos keseluruhan bagi rawatan penuh untuk seorang pesakit Hepatitis C.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 20,023 kes jangkitan Hepatitis C telah dilaporkan sejak 2003 sehingga Disember 2016. 3,393 kes jangkitan Hepatitis C baru telah dilaporkan pada tahun 2016 dengan kadar notifikasi 8.58 per 100,000 penduduk. Peningkatan kes Hepatitis C dijangka akan terus meningkat dengan peningkatan kesedaran masyarakat mengenai Hepatitis C dan pengamal perubatan dalam melaporkan kes hepatitis C.

Buat masa ini, anggaran rawatan Hepatitis C menggunakan Sofosbuvir termasuk kombinasinya mencecah RM 300 ribu bagi setiap pesakit. Oleh

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA
TARIKH : 8.3.2017
SOALAN : NO. 63

Datuk Tsen Thau Lin @ Linda [Batu Sapi] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kedudukan pembangunan dan pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi di Hab Pendidikan Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk penubuhan kampus cawangan adalah berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan, keperluan pembangunan sosio-ekonomi dan keperluan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh industri dalam pasaran kerja.

Pada tahun 2016, seramai 1,655 orang pelajar mengikuti pelbagai bidang pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan, Politeknik Sandakan dan Kolej Komuniti Sandakan.

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9606

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kepulangan Selva Kumar Subbiah dan apakah langkah-langkah akan diambil terhadapnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menemubual Selva Kumar Subbiah sekembalinya beliau dari luar negara pada 7 Februari 2017 iaitu setelah beliau selesai menjalani hukuman penjara di Kanada atas kesalahan yang dilakukannya. Pihak polis tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadapnya memandangkan tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan beliau ditahan atau diberi pengawasan atas sabitan kesalahan yang dilakukan di luar negara dan setelah menjalani hukuman di luar negara. Walau bagaimanapun pihak polis akan mengambil tindakan jika terdapat laporan yang diterima mengenai salah laku beliau mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Di samping itu, Kementerian juga mengambil kira hak asasi beliau sebagai seorang rakyat biasa untuk menjalani kehidupan seharian secara bebas dan aman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH FUZIAH
BINTI SALLEH [KUANTAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan jumlah kakitangan Kerajaan yang hanya mempunyai kelulusan SPM; STPM; Sijil Kemahiran Malaysia; atau Diploma dan apakah had kenaikan gred gaji bagi mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2017 jumlah penjawat awam dalam kumpulan pelaksana yang dilantik berdasarkan kelulusan Diploma, STPM, SPM, PMR, PT3, UPSR atau setaraf adalah seramai 734,761 orang.

Daripada jumlah tersebut seramai 191,842 orang adalah lulusan Diploma diikuti dengan 35,572 lulusan STPM, 275,375 lulusan SPM dan baki 231,972 lagi adalah lulusan PMR, PT3 dan UPSR.

Mengenai had kenaikan gred gaji bagi kumpulan pelaksana ini, ianya tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan. Sebagai contoh, bagi mereka yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) pada Gred N19, mereka boleh dinaikkan pangkat sehingga ke Gred N28. Gaji minimum Gred N19 adalah RM1,352.00 dan maksimum RM4,003.00 dan sekiranya pegawai dinaikkan pangkat ke Gred N28, had gaji minimum adalah RM 2,706.00 dan gaji maksimum RM 5,526.00.

Manakala, bagi mereka yang berkhidmat di bawah Skim Perkhidmatan Penerbit Rancangan pada Gred B19 kenaikan pangkat boleh diberi kenaikan pangkat sehingga ke Gred B53. Gaji minimum Gred B19 adalah RM1,360.00 dan maksimum RM4,032.00 dan sekiranya pegawai dinaikkan pangkat ke Gred B53, had gaji minimum adalah RM 6,124.00 dan gaji maksimum RM13,182.00, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan bagi skim berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 08.03.2017 (RABU)

SOALAN : 66

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Apakah status terkini penyiasatan kes SPRM yang melibatkan mantan Pengerusi MARA; dan
- (b) Adakah saksi utama Y.M. Tengku Mahkota Johor (TMJ) telah dipanggil memberikan keterangan oleh SPRM bagi kes itu.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a):-

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes ini telah selesai. Kertas Siasatan tersebut telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk penelitian dan keputusan.

Jawapan (b):-

Siasatan SPRM mendapati tiada keperluan untuk memanggil YM Tengku Mahkota Johor [TMJ].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 8 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan membuat pelantikan 2600 orang pegawai perubatan secara kontrak sahaja sedangkan masih banyak kekurangan doktor di hospital awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah Kerajaan melaksanakan lantikan kontrak kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi mulai 1 Disember 2016 sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 adalah bertujuan bagi mengatasi masalah masa menunggu penempatan untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib. Pelaksanaan lantikan secara kontrak ini adalah berikutan peningkatan keluaran graduan sama ada dalam dan luar negara dan kekangan jawatan tetap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ BIN
OMAR [POKOK SENA]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa sehingga kini Kerajaan tidak bersetuju menubuhkan Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat 1MDB dan kenapa Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB masih diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas 1MDB telah dijalankan oleh beberapa agensi yang berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan :- adakah benar Putra Star Investment Holdings Pte Ltd berjaya menjadi pembiaya utama projek pembinaan rumah generasi kedua Felda dan jika benar:

(a) nyatakan siapa pemegang saham dalam syarikat ini dan kerakyataan mereka; dan

(b) nyatakan projek-projek yang telah dibiayai oleh syarikat ini selain Felda di Malaysia atau luar negara dan nilai projek-projek tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA pada 6 September 2016 telah menandatangani satu perjanjian bersama Terranova Builders Sdn Bhd sebagai Pemaju dan Putra Star Investment Holdings Pte Ltd sebagai Pembiaya untuk 10,730 unit Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Namun, tiada perkembangan semenjak ia ditandatangani kerana terdapat beberapa isu teknikal yang sedang diselesaikan oleh pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN
SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 08.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah peranan tentera Malaysia di Arab Saudi berkaitan dengan Yaman seperti terkandung dalam laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu setebal 63 muka pada awal tahun 2017 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, tugas utama atau *sole purpose* kehadiran trup Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Arab Saudi adalah untuk siap sedia dalam misi evakuasi baki rakyat Malaysia yang masih berada di Yaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU
(BATU GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU
GAJAH]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan
kewangan yang sebenar dengan mengambil kira semua indikator
yang mengukur keadaan ekonomi negara ketika ini. Sejauh manakah
GST telah membawa impak negatif dalam membangunkan ekonomi
negara terutamanya dari segi pengaliran masuk pelaburan asing ke
Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan usaha konsolidasi fiskal untuk

mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Usaha ini telah berjaya mengurangkan paras defisit fiskal Kerajaan pada tahun 2009 daripada 6.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016. Usaha konsolidasi ini berhasil dan masih diteruskan walaupun Kerajaan mengalami pengurangan hasil berkaitan petroleum yang ketara pada tahun 2015 dan tahun 2016, berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia daripada USD98.94 setong pada tahun 2014 kepada USD52.40 dan USD44.05 masing-masing pada tahun 2015 dan 2016. Pada masa yang sama, paras hutang Kerajaan Persekutuan pula kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Antara faktor utama yang membolehkan Kerajaan meneruskan usaha konsolidasi fiskal ini adalah berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai April 2015 yang berjaya menjana pendapatan tambahan dan menampung sebahagian besar pengurangan hasil berkaitan petroleum. Bagi tahun 2017, paras defisit fiskal disasarkan terus berkurang kepada 3% daripada KDNK.

Usaha konsolidasi fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan turut mendapat pengiktirafan daripada pihak luar seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia serta agensi

penarafan antarabangsa. Hasilnya, agensi penarafan antarabangsa seperti *Standard and Poor's*, Fitch dan Moody's telah mengekalkan penarafan kredit Malaysia pada tahap A- dan A3 untuk tahun 2015 dan 2016 walaupun beberapa negara telah mengalami penurunan penarafan kredit. Pengekalan penarafan ini jelas menunjukkan keyakinan dan pengiktirafan agensi berkenaan terhadap pendekatan pengurusan makroekonomi dan fiskal negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, Kerajaan berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar termasuk pertumbuhan lebih perlahan dalam kalangan ekonomi maju; harga minyak berterusan rendah; dan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa, ekonomi negara tetap berkembang sebanyak 4.2% pada tahun 2016 dan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pertumbuhan ini disokong oleh asas ekonomi negara yang kukuh termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; rizab asing mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh bagi menyokong ekonomi. Pada masa yang sama kadar inflasi masih terkawal iaitu pada paras 2.1% bagi tahun 2015 dan 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan GST adalah sejajar dengan usaha mempelbagaikan sumber hasil terutamanya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. Ini penting memandangkan harga minyak mentah dunia adalah tidak menentu dan kejatuhan harga tersebut telah menjejaskan hasil Kerajaan. Kutipan GST pada tahun 2016 berjumlah RM41.2 bilion dan jauh lebih tinggi daripada kutipan SST pada tahun 2014 yang berjumlah RM17.2 bilion.

Pelaksanaan GST tidak memberi impak negatif kepada Malaysia dari segi perdagangan dan pengaliran masuk pelaburan asing ke Malaysia. Indikator sektor luar negeri bagi tahun 2015 dan 2016 menunjukkan prestasi yang kekal kukuh. Jumlah perdagangan negara pada tahun 2016 terus mencatat peningkatan melepasi paras RM1 trilion kepada RM1.48 trilion dengan eksport kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1%, manakala import pula terus meningkat 1.9% (2015: RM1.46 trilion; 1.6%; 0.4%).

Mengikut perangkaan Imbangan Pembayaran (BOP), aliran masuk

bersih pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2015 melonjak kepada RM43.4 bilion berbanding RM35.6 bilion tahun 2014. Meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar, aliran masuk FDI bersih terus kukuh sebanyak RM41.2 bilion pada tahun 2016.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS
TARIKH : 08 MAC 2017 (RABU)
NO. SOALAN : 72

SOALAN

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD (LIPIS) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara jelas hala tuju Negara dalam sektor perdagangan antarabangsa selepas Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menarik diri daripada Perjanjian Trans Pasifik (TPPA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara TPPA termasuk Malaysia pada 30 Januari 2017 untuk memaklumkan secara rasmi penarikan negara tersebut dari TPPA. Selain itu, Presiden Trump juga telah mengarahkan Pejabat United States Trade Representative untuk memulakan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) secara dua hala untuk mempromosikan

industri Amerika Syarikat, melindungi pekerjaan serta meningkatkan pendapatan pekerja negara tersebut.

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP. Amerika Syarikat sendiri sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.

3. Sehubungan itu, negara-negara TPP yang lain seperti Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.

4. Sebaliknya, antara langkah-langkah atau strategi yang sedang dilakukan oleh Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran tambahan di peringkat global termasuk mengadakan perjanjian FTA dengan negara-negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.

5. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 buah negara lain, termasuk tujuh buah negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada penghujung tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah awal untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain juga sedang dikaji.

SOALAN (73)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]

DARIPADA : YB. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]

SOALAN :-

YB. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kelulusan yang diberikan kepada pemberi pinjaman wang berlesen dan apakah tindakan tegas terhadap pemberi pinjaman tanpa lesen.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2017, sebanyak 3,611 lesen pemberi pinjam wang (PPW) telah diluluskan di seluruh Negara. Pecahan kelulusan lesen PPW mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

BIL	NEGERI	PPW
1	JOHOR	283
2	KEDAH	143
3	KELANTAN	12
4	MELAKA	108
5	NEGERI SEMBILAN	114
6	PAHANG	101
7	PERAK	249
8	PERLIS	12
9	PULAU PINANG	300
10	SABAH	765
11	SARAWAK	395

BIL	NEGERI	PPW
12	SELANGOR	664
13	TERENGGANU	29
14	KUALA LUMPUR	433
15	LABUAN	5
16	PUTRAJAYA	2
JUMLAH		3,611

Seksyen 5 Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) mewajibkan mana-mana orang untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan aktiviti pemberi pinjaman wang. Sekiranya didapati melanggar peruntukan ini, hukuman denda tidak kurang daripada RM250,000.00 dan tidak melebihi daripada RM1 juta atau penjara untuk tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Bagi kes kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, hukuman sebatan sebagai hukuman tambahan boleh dikenakan.

KPKT telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang akan bertanggungjawab untuk mengendalikan kes-kes pemberi pinjam wang

yang tidak berlesen (lazimnya dikenali sebagai Ah Long), manakala KPKT pula akan mengendalikan kes-kes melibatkan PPW yang berlesen selaras dengan Seksyen 5, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).

Orang awam juga boleh membuat semakan dalam talian bagi memastikan sama ada pihak yang menawarkan pinjaman adalah PPW berlesen dengan melayari <https://emaps.kpkt.gov.my>. Melalui kaedah ini, orang awam dapat mengelak daripada menjadi mangsa penipuan oleh PPW haram.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 8 MAC 2017, RABU

SOALAN:

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah usaha Kerajaan setakat ini untuk melaksanakan penggunaan "Rubberised Pavement" dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega Kerajaan seperti Pan Borneo untuk membolehkan kaedah ini dapat dipromosikan dan memberi faedah kepada industri getah negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) masih dalam peringkat penilaian bagi menentukan kesesuaian turapan jalan yang menggunakan Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan ('Cuplump Modified Asphalt' – CMA). Ia merujuk kepada 3 lokasi projek perintis CMA, iaitu di Tampin, Baling dan Lanchang.

Penilaian akhir sepatutnya mengambil tempoh masa 2 tahun bagi menentukan keberkesanan prestasi campuran getah dan bitumen itu. Walau bagaimanapun pasukan penilai bersetuju untuk memendekkan tempoh kajian kepada satu tahun sahaja, iaitu sehingga akhir tahun ini. Antara kriteria penilaian yang diambil kira ialah dari segi kos pembinaan, aspek teknikal pembinaan dan ujian kekuatan campuran 'asphalt' tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemerhatian awal mendapati turapan jalan yang menggunakan CMA di lokasi-lokasi projek perintis itu menunjukkan tanda-tanda yang positif. Antara kelebihan penggunaan CMA ialah dapat memberi rintangan lebih baik ke atas faktor-faktor yang boleh menyebabkan kerosakan jalan seperti retakan dan aluran ('rutting'). Walaupun kos pembinaan jalan menggunakan CMA lebih tinggi – iaitu RM53 permeter berbanding RM29 permeter jika menggunakan kaedah konvensional – namun kos penyelenggaraan jalan CMA lebih rendah berbanding jalan konvensional. Untuk tempoh jangka panjang, pembinaan jalan menggunakan CMA mungkin lebih ekonomik memandangkan kos kitaran hayat jalan tersebut akan menjadi semakin murah.

Sehubungan itu – tertakluk kepada hasil laporan penilaian akhir CMA yang dijangka akan diketahui pada awal tahun hadapan (2018) – penggunaan teknologi turapan CMA akan dipertimbangkan secara meluas di seluruh negara oleh Kerajaan (termasuk bagi pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo) jika ia bebar-benar signifikan dan memberi manfaat dari aspek teknikal dan analisis kos.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH : 8.3.2017
SOALAN : NO. 75

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesan pengurangan peruntukan kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam sejak tahun 2015 terhadap pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia, mutu pengajaran dan penyelidikan dan KPI-KPI yang lain, dan sama ada pengurangan bajet ini akan diteruskan sehingga tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah mengurangkan peruntukan kepada Universiti Awam (UA) adalah selaras dengan Buku Biru Kementerian iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) menerusi Lonjakan 5: Kemampanan Kewangan yang menyasarkan UA dapat mencapai kedudukan kewangan yang lestari melalui pelbagai kaedah penjaan pendapatan.

Walaupun berlakunya pengurangan peruntukan, namun Malaysia masih merupakan antara dua negara yang diiktiraf memberi peruntukan yang besar untuk pendidikan tinggi bersama-sama negara Serbia. Peruntukan ini adalah melebihi dari yang dijangkakan pada tahap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita. Pengiktirafan ini adalah hasil laporan 2016 oleh Universitas 21 atau U21, iaitu rangkaian global yang terkemuka

bagi universiti penyelidikan. Laporan yang sama juga menyatakan bahawa Malaysia berada di kedudukan ke-13 dari 50 negara terpilih bagi kategori memperuntukkan sumber yang dikhaskan untuk pendidikan tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah bersedia dengan situasi pengurangan peruntukan ini dengan memperkenalkan beberapa kaedah pembiayaan berdasarkan pencapaian keberhasilan (outcomes) di setiap UA. Ini bertujuan untuk mengoptimumkan kos sistem pendidikan tinggi negara. Kaedah ini akan memberikan daya saing disamping menggalakkan UA berusaha memperkukuhkan sistem kewangan mereka ke arah menjadikan sistem kewangan sendiri atau *self-financing* menerusi penjana pendapatan dalaman. Strategi penjana pendapatan dan mempelbagaikan sumber ini perlu dilaksanakan oleh UA tanpa menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh UA ialah menggunakan aset dan kepakaran masing-masing untuk tujuan komersil. Dalam masa yang sama, anak-anak syarikat di bawah UA akan terus diperkukuhkan agar berupaya menjana pendapatan dan sekali gus membantu membiayai sebahagian perbelanjaan operasi UA.

Selain itu, usaha berterusan telah dilaksanakan oleh UA dalam mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini termasuklah juga usaha mempergiatkan program khidmat perundingan, kursus dan latihan eksekutif serta lain-lain program penjana pendapatan mengikut bidang kepakaran universiti-universiti tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian telah mengumumkan Tahun 2017 sebagai tahun penyelidikan translational (translational research) di mana program

penyelidikan yang dilaksanakan perlu bertepatan dengan agenda nasional yang boleh memberikan impak yang positif kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha dalam memperkenalkan silibus bagi mendedahkan pelajar dalam bidang keusahawanan secara intensif di sekolah - sekolah bersesuaian dengan langkah Kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan muda pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Kebangsaan sejak awal tahun 1990an mengambil kira bidang/tajuk dalam perniagaan dan keusahawanan. Pada masa ini, keusahawanan tidak ditawarkan sebagai satu mata pelajaran khusus kecuali di Sekolah Menengah Teknik yang menawarkan mata pelajaran Pengajian Keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif.

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu sahaja dilaksanakan pada tahun 2017 bukan sahaja mengandungi elemen keusahawanan tetapi juga elemen-elemen kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi merentas semua mata pelajaran.

Dalam bidang kokurikulum, penubuhan Koperasi Sekolah serta aktiviti kelab dan persatuan yang turut mendapat kerjasama pelbagai agensi luar adalah salah satu langkah Kementerian untuk mendedahkan murid kepada elemen keusahawanan secara '*hands on*' berkaitan pengoperasian sesuatu syarikat dan koperasi.

RJM18

NO. SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH HIM

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9608

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Him minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kementerian menghentikan kontrak pembuatan "chip passport" oleh Syarikat IRIS Corporation dan diberi kepada Datasonic Group Berhad yang mengenakan harga yang lebih mahal. Macam manakah Kementerian mengatasi masalah pasport yang dikeluarkan oleh Datasonic tidak dapat melalui "autogate" imigresen yang dibuat oleh IRIS Corp.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum Jun 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengikat perjanjian pembekalan buku Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) termasuk cip untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan syarikat Percetakan Keselamatan Nasional Sdn Bhd (PKNSB) dan bukannya dengan Syarikat IRIS Technologies Sdn Bhd. Mulai Jun 2016, Datasonic Technologies Sdn Bhd (DTSB) mula membekalkan muka surat polikarbonat bercip bagi PMA.

Kerajaan telah menukar pembekal bagi cip PMA memandangkan tempoh kontrak sedia ada dengan PKNSB telah tamat pada Jun 2016. Di samping itu, pembekalan PMA dengan muka surat polikarbonat bercip yang diguna pakai sekarang telah dipertingkatkan dengan 28 ciri-ciri keselamatan bagi menambah baik kualiti serta ciri keselamatan dalam PMA yang telah diguna pakai sebelum ini.

Sehubungan itu, sistem pemeriksaan pasport sedia ada telah dikonfigurasi untuk disesuaikan dengan ciri-ciri baru PMA. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi isu-isu berkaitan sistem pemeriksaan pasport selain meningkatkan tahap kesedaran pengguna berkenaan tatacara pemeriksaan PMA baharu di mesin pengimbas iaitu perlu membuka buku pasport semasa menggunakan *autogate*.

NO. SOALAN : 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [RAUB] meminta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah kadar perahan yang dipakai oleh FGV; dan
- b) apakah bisness yang bukan core yang telah dijual oleh FGV.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem penggredan Buah Tandan Segar (BTS) yang dihantar ke kilang-kilang FGV adalah menggunakan standard yang telah ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meliputi penilaian gred dan juga harga.

Proses penggredan di kilang adalah diawasi oleh Jawatankuasa Perundingan Bersama (JCC) yang dianggotai oleh Pengurus FELDA, Pengurus Kilang FGV, Ketua Peneroka setempat dan Ketua Penggredan dari MPOB yang bertauliah. Bagi meningkatkan lagi proses ketelusan penggredan, wakil pegawai MPOB dan wakil JCC telah ditempatkan di kilang-kilang FGV untuk memastikan setiap proses penggredan dibuat mengikut standard yang ditetapkan. Semua penggred memiliki sijil kelayakan yang di keluarkan oleh MPOB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L
K NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 79

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagai langkah menghormati hak kebebasan bersuara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana peruntukan tersebut hanya akan terpakai sekiranya berlaku suatu kesalahan berhubung penggunaan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara tidak wajar, dan bukannya bertujuan untuk menyekat hak kebebasan bersuara.

Secara purata, kadar perahan minyak (*Oil Extraction Rate* - OER) adalah sekitar 21% daripada jumlah berat BTS yang dihantar ke kilang. Namun OER ini bergantung kepada kualiti gred buah berkenaan iaitu semakin tinggi gred (matang, segar, tidak rosak), maka semakin tinggi kadar OER. Oleh itu, kadar OER adalah berbeza-beza mengikut kawasan kilang. Penentuan kadar di setiap kilang adalah berpandukan kepada formula yang dipersetujui melalui JCC. Pihak FGV sentiasa memastikan kesemua kilangnya iaitu sebanyak 69 buah di seluruh negara mematuhi standard operasi yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan.

Berkenaan penjualan aset bukan teras pula, berdasarkan laporan FGV ke Bursa Malaysia, hanya sebuah anak syarikat telah dilepaskan FGV iaitu TRT-ETGO yang beroperasi di Kanada sejak disenaraikan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9609

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pelarian Rohingya mengikut pusat tahanan dan dasar untuk menangani isu ini memandangkan mereka tidak boleh dipulangkan ke negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 22 Februari 2017, didapati jumlah keseluruhan pelarian Rohingya yang berada di dalam Depot Tahanan Imigresen (DTI) adalah seramai 2,233 orang mengikut pecahan seperti berikut:

DTI Belantik	-	968 orang
DTI Ajil	-	348 orang
DTI Tanah Merah	-	253 orang
DTI Semenyih	-	171 orang
DTI KLIA	-	134 orang
DTI Langkap	-	170 orang
DTI Lenggeng	-	124 orang
DTI Bukit Jalil	-	65 orang

Dasar semasa Negara terhadap “Pelarian” sepertimana yang digariskan di dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 menyatakan bahawa Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Berdasarkan Arahan MKN No. 23, Negara tidak memberikan sebarang takrifan atau peruntukan khusus ke atas kumpulan “pelarian” dan melabelkan mereka sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)*.

Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan telah memberikan kebenaran kepada PATI yang memegang kad UNHCR tersebut untuk tinggal sementara di Negara ini sebelum ditempatkan semula ke Negara Ketiga. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case-to-case basis*).

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH**

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9610

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan bagaimana dikatakan dua orang perempuan dapat memasuki lapangan terbang KLIA2 dan membunuh seorang yang dipercayai abang Kim Jong-un. Adakah tahap keselamatan lapangan-lapangan terbang di Malaysia tidak ketat sehingga perkara-perkara sedemikian boleh berlaku.

SOALAN (82)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :-

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada syarikat dari China ditawarkan tender membangunkan projek gas pipeline dari pantai barat Sabah ke Sandakan. Nyatakan butiran projek tersebut secara terperinci termasuk peruntukkan projek.

iv) Komander Briged Tengah PGA yang berpangkalan di Cheras, Kuala Lumpur telah dilantik sebagai Comander Crisis Management Team (CMT) dan anggota strike-force daripada Unit Tindakan Khas serta 69 Komando boleh diatur gerak pada bila-bila masa untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.

v) PDRM khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA) sedang membuat kajian bagi meneliti langkah untuk menambah bilangan anggota bertugas mengikut keperluan dan penilaian tahap keselamatan di lapangan terbang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi lain yang berkaitan dengan Lapangan Terbang telah mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk menentukan tahap keselamatan lapangan terbang berada dalam keadaan yang selamat daripada sebarang ancaman dan perbuatan sabotaj. Kejadian yang berlaku di lapangan terbang seperti serangan kepada pimpinan Tamil Naidu Sri Lanka dan kematian abang tiri Presiden Korea Utara di KLIA terjadi di kawasan yang boleh dimasuki oleh orang awam. Walaupun agak sukar untuk pihak berkuasa mengesan perlakuan sedemikian pada peringkat awal, tahap kesiapsiagaan dan tindakan kawalan akan terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di lapangan terbang.

memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang melalui tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

i) Mulai 1 April 2016, tahap keselamatan di semua lapangan terbang antarabangsa (LTAB) telah dinaikkan ke tahap jingga oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DCA). Selaras dengan itu, satu mesyuarat penyelarasan antara agensi keselamatan telah diadakan pada 4 April 2016 bagi membincangkan langkah-langkah untuk memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang. Mesyuarat berkenaan juga telah memutuskan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyelaraskan aspek keselamatan LTAB khususnya di landside dan kawasan kargo.

ii) Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui pasukan naziran yang dilantik akan membuat pemeriksaan keselamatan dan melaporkan mengenai langkah-langkah keselamatan fizikal yang perlu dilaksanakan oleh penghuni-penghuni sasaran penting secara berkala.

iii) PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Kerjasama Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) telah melancarkan “Op Ledak” dengan melaksanakan rondaan di landside KLIA secara syif 24 jam dengan kekuatan setiap rondaan terdiri daripada dua (2) anggota PDRM dan seorang (1) anggota ATM.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Lapangan terbang di seluruh negara merupakan instalasi sasaran penting keutamaan (1) yang diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Seksyen (4) dan Seksyen (5) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) merupakan penghuni instalasi sasaran penting bagi Lapangan Terbang, manakala Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) adalah pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas kawalan dalam kawasan lapangan terbang sebagaimana tafsiran di Seksyen 3 Akta 298.

Di bawah National Civil Aviation Security Programme (NCASP), kawasan penugasan telah dibahagikan di mana airside terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) manakala landside di bawah kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Merujuk kepada beberapa insiden yang berlaku di kawasan lapangan terbang di dalam dan di luar negara sejak kebelakangan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah bagi

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP. Amerika Syarikat sendiri sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.

3. Sehubungan itu, negara-negara TPP yang lain seperti Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.

4. Sebaliknya, antara langkah-langkah atau strategi yang sedang dilakukan oleh Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran tambahan di peringkat global termasuk mengadakan perjanjian FTA dengan negara-negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.

5. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 buah negara lain, termasuk tujuh buah negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada penghujung tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah awal untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain juga sedang dikaji.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW
KAWASAN : KEPONG
TARIKH : 8 MAC 2017 (ISNIN)
NO. SOALAN : 88

SOALAN

YB DR. TAN SENG GIAW (KEPONG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil selepas Amerika Syarikat keluar daripada TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara TPPA termasuk Malaysia pada 30 Januari 2017 untuk memaklumkan secara rasmi penarikan negara tersebut dari TPPA. Selain itu, Presiden Trump juga telah mengarahkan Pejabat United States Trade Representative untuk memulakan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) secara dua hala untuk mempromosikan industri Amerika Syarikat, melindungi pekerjaan serta meningkatkan pendapatan pekerja negara tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek saluran paip gas asli dari pantai barat Sabah ke Sandakan yang dikenali sebagai *Trans-Sabah Gas Pipeline* (TSGP) akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD), Kementerian Kewangan.

Perancangan pembangunan projek ini masih diperingkat akhir sebelum ianya mula dilaksanakan. Projek ini akan melibatkan pembinaan paip gas sepanjang 620 kilometer dari Kampung Gayang ke Sandakan dan dari Segaliud ke Tawau.

Sekian, terima kasih.

8 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-13 (2017)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

TARIKH : **8 MAC 2017 (RABU)**

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar apakah graduan doktor Malaysia yang tidak memiliki sijil SPM tidak boleh ditempatkan ke hospital Kerajaan di seluruh negara.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dari universiti tempatan dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan boleh memohon jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41. Calon perlu melengkapkan Borang Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) melalui Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Pihak SPA akan menghubungi calon melalui surat/emel/sms untuk mereka menghadiri temu duga.

Pada 21 Oktober 2016, Kerajaan telah memutuskan supaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dilantik secara kontrak perkhidmatan (*contract of service*) bagi menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib. Susulan daripada itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan kelonggaran syarat skim perkhidmatan bagi syarat kelayakan Lulus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pelantikan secara kontrak perkhidmatan ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41 yang akan ditempatkan di hospital-hospital Kerajaan di seluruh Malaysia. Mereka boleh dilantik sebagai Pegawai perubatan Gred UD41 tetap setelah lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM seperti ditetapkan dalam syarat lantikan jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Institut Pengurusan Miri yang dicadangkan untuk ditukar kepada Kolej TVET dan adakah keputusan ini telah dimuktamadkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa tiada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang akan ditutup tetapi dilaksanakan pertukaran fungsi IPG kepada institusi TVET. KPM telah mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan termasuk pandangan umum dalam mempertimbangkan cadangan pertukaran fungsi Kampus IPG.

Faktor-faktor seperti penyuraian pensyarah IPG, penyusunan semula bidang-bidang kepada baki 16 IPG Kampus, penukaran status tanah di negeri Sabah dan Sarawak daripada IPG ke institusi TVET, perancangan daripada institusi TVET serta beberapa faktor lain amat

penting untuk diambil kira dan diperincikan sebelum penukaran fungsi IPG ini dapat dibuat secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM dalam peringkat akhir untuk mengemukakan Memorandum daripada Menteri Pendidikan berkaitan cadangan sembilan (9) kampus IPG yang akan ditukarkan menjadi institusi TVET kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

RJM19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah keseluruhan kemasukan pelajar ke sekolahberasrama penuh (SBP) bagi tahun 2017 dan apakah kriteria kemasukan memandangkan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016 menunjukkan penurunan ketara disebabkan oleh format baru peperiksaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menawarkan tempat kepada seramai 12,586 orang murid di 68 buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi kemasukan tingkatan satu tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, 6,346 adalah murid lelaki dan 6,240 adalah murid perempuan.

Syarat atau kriteria kemasukan sekolah berasrama penuh KPM adalah berdasarkan empat komponen merit iaitu merit akademik, merit sosio-ekonomi, merit kokurikulum dan merit kepimpinan. Penambahbaikan kepada dasar, syarat dan kriteria pengambilan murid Tingkatan Satu (1) SBP KPM pada tahun 2017 juga telah mengambil kira perubahan terhadap format serta peningkatan kualiti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2016.

RJM20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]
TARIKH : 8.3.2017 (RABU)

Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula penggunaan gas-gas bersubsidi oleh restoran-restoran.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai makluman ahli dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang mengkaji semula pelaksanaan subsidi bagi gas petroleum cecair (LPG). Kajian ini bukan sahaja melihat kepada penggunaan gas bersubsidi oleh restoran-restoran tetapi juga penggunaan LPG oleh rakyat secara keseluruhannya. Matlamat kajian ini adalah supaya manfaat subsidi Kerajaan ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.